

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"KITA telah pun menyediakan Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional serta Skim Peningkatan Kapasiti Sumber Manusia untuk mempertingkatkan lagi kemahiran anak-anak tempatan yang sudah dan akan berkhidmat dengan sektor swasta. Inilah di antara usaha kita untuk mendapatkan sumber tenaga yang berkualiti, khasnya dari kalangan para pelajar."  
- Titah Sempena Tahun Baharu Masihi 2013.



**Pelita**  
**BRUNEI**

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN demi sesungguhnya Kami telah mendatangkan kepada mereka sebuah kitab (Al-Quran) yang Kami telah menjelaskannya satu persatu atas dasar pengetahuan (Kami) untuk menjadi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman."  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala Surah AL-A'raaf, ayat 52.

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.04 SUBUH 5.14 SYURUK 6.32 DUHA 6.54 ZUHUR 12.34 ASAR 3.49 MAGHRIB 6.33 ISYAK 7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 26

2 MAC 2019 / 1440 جمادى الآخر 25

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

# Loji Penapis Minyak, Petrokimia jana pendapatan negara



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat meninjau Loji Penapis Minyak dan Petrokimia di Pulau Muara Besar.

**MUKA**  
**2-5**

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Masri Osman

PULAU MUARA BESAR, Khamis, 28 Februari. - Perkembangan Loji Penapis Minyak dan Petrokimia semasa dan hala tuju pada masa akan datang antara agenda yang dibincangkan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa mempengerusikan sesi perbincangan bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Kemajuan Pulau Muara Besar (PMB) dan pengurusan syarikat usaha sama Hengyi Industries Sdn. Bhd.

Ke muka 2

## Istiadat Pembukaan Rasmi Musim Permesyuaratan Ke-15 MMN, 7 Mac

Siaran Akhbar :  
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mac. - Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) akan dilangsungkan pada Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 Hijrah bersamaan dengan 7 Mac 2019 Masihi, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

Ke muka 10

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn



269 pelajar SMALHB terima STPUB

Muka 10



# Loji Penapis Minyak, Petrokimia jana pendapatan negara



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan membuat lawatan kerja ke PMB dengan menyaksikan fungsi operasi Bilik Kawalan Loji Penapis Minyak dan Petrokimia.

Dari muka 1

Duli Yang Teramat Mulia dalam sabda perbincangan yang diadakan di Pusat Kawalan Bangunan PMB di sini

antara lain menekankan mengenai kemajuan berlandaskan piawaian antarabangsa, di samping keselamatan dan aspek peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan yang telah dan akan berkhidmat

Oleh : Wan Mohamad Sahran  
Wan Ahmadi  
Foto : Masri Osman



di PMB serta sumbangan sosio-ekonomik bagi projek tersebut.

Terdahulu, siri keberangkatan lawatan kerja DYTM ke PMB didahului dengan menyaksikan fungsi operasi Bilik Kawalan Loji Penapis Minyak dan Petrokimia.

Keberangkatan DYTM dijunjung oleh Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw; dan Timbalan Menteri Kewangan (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dr. Awang Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Ke muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar kenangan bersama para pegawai yang terdiri daripada anak tempatan yang bekerja di Hengyi Industries Sdn. Bhd.

## Dari Sidang Pengarang.

2 MAC 2019 BERSAMAAN 1440 جمادى الآخرة 25

### ERATKAN SILATURAHIM ELAK PERBELAHAN

**A**GAMA Islam sangat menekankan akan kepentingan menjaga hubungan silaturahmi antara satu sama lain. Di samping itu, Islam juga mendidik umatnya untuk saling menyayangi antara satu sama lain kerana dengan persaudaraan akan menguatkan hubungan ukhawah umat Islam.

Dalam kehidupan seharian hubungan silaturahmi bukan sahaja dijaga dalam kalangan kaum keluarga sahaja malahan orang sekeliling kita, seperti saudara-mara, rakan sekerja, jiran tetangga dan seumpamanya. Sepertimana yang ditekankan dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyatakan bahawa orang yang memutuskan hubungan silaturahmi itu tidak akan masuk syurga.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Jubair bin Mut'im, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Tidak akan masuk syurga orang yang memutuskan silaturahmi."

Adapun mengeratkan hubungan silaturahmi itu ialah dengan berbuat baik kepada sesama manusia, memberi pertolongan jika mereka memerlukan, bersikap lemah lembut, nasihat menasihati dan menjaga perasaan mereka. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam baginda bersabda : Barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia memuliakan tamunya, dan barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia berkata baik atau diam."

Di samping itu, kepentingan menjaga hubungan silaturahmi itu akan mendatangkan kebaikan serta rezeki yang murah. Oleh itu, umat Islam yang memandang remeh hubungan silaturahmi pastinya tidak mendapat keberkatan rezeki yang baik. Bahkan orang yang tidak mengendahkan hubungan sesama manusia umpama tidak mengendahkan seruan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebagai seorang Islam, menjadi tuntutan untuk kita mengeratkan hubungan persaudaraan kerana apa sahaja perbuatan dan perlakuan di dunia ini ada kaitannya dengan akhirat. Seorang yang membina persaudaraan kerana Allah Subhanahu Wata'ala juga akan dipelihara hubungan kesatuan sesama manusia di akhirat.

Hubungan persaudaraan sesama Muslim hakikatnya bukan hanya berlaku di dunia, ia juga berterusan hingga ke akhirat. Manusia yang memutuskan silaturahmi bukan hanya berada terasing di dunia, malah berseorangan di akhirat kelak. Oleh yang demikian, janganlah kita sesekali-kali memutuskan silaturahmi kerana hukumnya haram dan dikira melakukan maksiat besar sehingga mendapat laknat dari Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Muhammad, ayat 22 - 23 yang tafsirnya : "(Kalau kamu tidak mematuhi perintah) maka tidakkah kamu harus dibimbang dan dikuatirkan - jika kamu dapat memegang kuasa - kamu akan melakukan kerosakan di muka bumi, dan memutuskan hubungan silaturahmi dengan kaum kerabat? (Orang-orang yang melakukan perkara-perkara yang tersebut) merekalah yang dilaknat oleh Allah serta ditulikan pendengaran mereka, dan dibutakan penglihatannya."

Oleh itu, jauhilah dari perkara-perkara yang boleh memutuskan silaturahmi. Tanganilah setiap masalah yang dihadapi dengan perasaan rasional dan eratkanlah semula perhubungan yang retak dengan rasa kesedaran serta keinsafan. Dengan yang demikian, InsyaaAllah kita akan mencapai kehidupan yang aman, damai, harmoni dan memperkukuhkan lagi ukhawah.  
- Ketua Penyuntingan (Rd).

### RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
31 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
<b>PEKAN BANGAR</b>		
31 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
<b>PEKAN TUTONG</b>		
31 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
<b>KUALA BELAIT</b>		
31 25 °C	32 25 °C	32 25 °C

## WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi MAC	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	SABTU	25	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.49	6.33	7.43
3	AHAD	26	5.04	5.14	6.31	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43
4	ISNIN	27	5.04	5.14	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.43
5	SELASA	28	5.03	5.13	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42
6	RABU	29	5.03	5.13	6.30	6.53	12.33	3.47	6.33	7.42
7	KHAMIS	30	5.03	5.13	6.30	6.52	12.33	3.47	6.33	7.42
8	JUMAAT	1 REJAB	5.02	5.12	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

Wallahualam Bissawab  
Jabatan Kaji-cuaca  
Brunei Darussalam  
www.met.gov.bn

Talian Cuaca  
**114**

Brunei WX  
App

**TALIAN KECEMASAN 991** | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
**123**

NDMC  
**2380214**



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah bersama para pekerja tempatan (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mendengarkan sembah taklimat mengenai perkembangan keseluruhan PMB dan status perkembangan Loji Penapis Minyak dan Petrokimia. Manakala gambar bawah kanan, DYTМ berkenan menandatangani plak sempena lawatan ke PMB.

**Dari muka 2**

DYTМ seterusnya dijunjung bagi menandatangani lembaran kenangan selepas berkenan mendengar sembah alu-aluan daripada Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien mengenai perkembangan PMB dan aktiviti-aktiviti projek di pulau tersebut termasuk sumbangan ekonomi dan penjaanaan peluang-peluang pekerjaan yang direncanakan daripada projek tersebut.

Selepas itu, DYTМ mendengarkan sembah penerangan daripada Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian mengenai perkembangan keseluruhan PMB dan status perkembangan Loji Penapis Minyak dan Petrokimia setakat ini, diikuti dengan sembah penerangan mengenai hal-ehwal teknikal berkaitan dengan loji tersebut juga perkembangannya yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Tenaga), Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya, yang juga selaku

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Teknikal di bawah Jawatankuasa Pandu Kemajuan PMB.

Sementara Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak menyebarkan penerangan mengenai dengan peranan dan tugas Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) dalam pengurusan dan pemantauan alam sekitar di PMB.

Sejurus selepas itu, DYTМ seterusnya berkenan mendengarkan sembah taklimat daripada Inspektor Kanan daripada Safety, Health and Environment National Authority (SHENA), Awang Haji Jasrin bin Haji Serudin mengenai piawaian kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (health, safety and environment - HSE) yang ditetapkan di PMB.

DYTМ kemudiannya berkenan mendengarkan sembah penerangan mengenai dengan hal ehwal pemeliharaan kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja yang ditempatkan di PMB juga aktiviti-aktiviti keagamaan yang diungkuhkan daripada Setiausaha Tetap (Tenaga Manusia), Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Awang Haji

Zolkiflee bin Haji Abdul Karim yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Kesejahteraan di bawah Jawatankuasa Pandu Kemajuan PMB.

Sembah penerangan berkenaan juga disusuli dengan taklimat ringkas daripada Awang Adib bin Idris, salah seorang operator tempatan daripada Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. mengenai dengan komitmen syarikat dalam usaha untuk meningkatkan lagi pengambilan pekerja-pekerja tempatan di syarikat berkenaan sebelum berangkat ke Majlis Santap Pagi.

Selesai Majlis Santap tersebut, DYTМ kemudiannya dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Kemajuan PMB; Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Ketua Kampung Masjid Lama Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong; Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja di bawah Jawatankuasa Pandu Kemajuan PMB dan ahli-ahli pihak pengurusan Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.

Pada siri lawatan kerja ini, DYTМ berkesempatan berangkat bagi meninjau unit-unit penapis minyak dan pemprosesan petrokimia; jeti-jeti timur dan barat di PMB dan

Surau yang dikhususkan bagi pekerja-pekerja lepasan Pusat Pembangunan Kapasiti yang sedang bertugas di PMB.

Sebelum berangkat balik, DYTМ dijunjung berangkat bagi Majlis Santap Tengah Hari dan kemudiannya menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah bersama para pekerja tempatan yang dimamkan oleh Guru Kaunseling Uagama (Religious Councillor), Md. Fazli bin Haji Zulkifli, diikuti dengan junjung ziarah daripada pekerja di PMB berkenaan.

Loji Penapis Minyak dan Petrokimia di Taman Perindustrian PMB merupakan projek usaha sama dengan pelabur langsung asing yang

dikendalikan oleh syarikat usaha sama Hengyi Industries Sdn. Bhd., yang mana pemegang saham terdiri daripada Damai Holdings Ltd. di bawah Strategic Development Capital Fund, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Syarikat Zhejiang Hengyi Group Co. Ltd. dari Republik Rakyat China.

Fasa Pertama bagi Projek Loji Penapis Minyak dan Petrokimia ini telah pun diluluskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Jun 2011 yang lalu.

**Ke muka 4**



DYTМ berkenan menerima junjung ziarah daripada para pekerja tempatan sejurus selesai menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah (kiri). Sementara gambar kanan, sebahagian daripada anak-anak tempatan yang bekerja di Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. sama-sama dijemput menikmati Santap Tengah Hari bersama DYTМ.

# Projek Membaikpulih Jalan Perusahaan, Jalan Serasa dapat perhatian



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima sembah penerangan ringkas mengenai perkembangan Projek Membaikpulih Jalan Perusahaan dan Jalan Serasa daripada Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (kiri) dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof (kiri dan kanan). Manakala gambar bawah, Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Imam Masjid Setia Ali, Pekan Muara, Awang Nasehin bin Haji Yahya sejeurus sebelum Duli Yang Teramat Mulia berangkat membuat lawatan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Masri Osman

**SERASA**, Khamis, 28 Februari. - Projek-Projek Membaikpulih Jalan Perusahaan dan Jalan Serasa juga menjadi tumpuan tinjauan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dalam rangka lawatan kerja hari ini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di perkarangan Masjid Setia Ali Pekan Muara, di sini, dijunjung oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman yang juga selaku Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong.

Sejeurus keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia bagi memulakan lawatan kerja, Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Imam Masjid Setia Ali, Pekan Muara, Awang Nasehin bin Haji Yahya.

DYTM kemudian disebarkan taklimat mengenai dua projek tersebut serta statistik kesalahan kenderaan berat, iaitu sejumlah 183 kompaun dikeluarkan bagi kesalahan membawa lebih berat muatan di bawah Akta RTR 161 Penggal 68 bagi Tahun 2017 dan 2018 di kawasan Muara dan Serasa juga aktiviti-aktiviti pengangkutan yang beroperasi di kawasan berkenaan.

Pemangku Pengarah Jalan

Raya, Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Mazlan bin Haji Abdul Salim ketika ditemui berkata Projek Membaikpulih Jalan Perusahaan 2.0 kilometer itu mula dijalankan sejak 20 Disember tahun lalu dan dijangka siap pada 12 April tahun hadapan.

Kos projek berjumlah BND6,166,238.50 itu juga katanya bagi menaiktaraf dan

meningkatkan kapasiti beban turapan jalan dan persimpangan yang sedia ada ke arah menampung pergerakan kenderaan berat bagi memastikan kecekapan dan keselamatan mobiliti barangan dan pengguna jalan raya.

Awang Haji Mazlan juga seterusnya menyebarkan bahawa kerja-kerja Projek Membaikpulih Jalan Serasa

sepanjang 4.2 kilometer itu dijangka akan mula dijalankan pada bulan April depan.

Tambahnya, kerja-kerja pelaksanaan projek 18 bulan itu adalah bagi menaik taraf dan meningkatkan dalam menampung pertumbuhan bilangan penggunaan jalan raya tersebut sejajar dengan perkembangan aktiviti sosio ekonomi di kawasan berkenaan.



## Dari muka 3

Selepas loji tersebut memulakan operasinya, ia akan mengeluarkan produk petroleum bagi penggunaan dalam negeri dan bagi tujuan pengeksportan ke luar negeri.

Jumlah yang dieksport, antarlainnya, akan disalurkan kepada industri pembuatan tekstil di Republik Rakyat China.

Perkembangan dan status pembinaan loji tersebut dan hal ehwal yang berkaitan dengan Taman Perindustrian PMB adalah dipantau dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pandu Kemajuan PMB yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia)

dan Perindustrian dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Keahlian Jawatankuasa Pandu ini terdiri daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi; dan Yang Mulia Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Pada menjunjung hasrat dan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi

meningkatkan lagi peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan melalui usaha-usaha kerajaan, kini terdapat 276 orang tempatan yang berkhidmat secara langsung di bawah Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.

Loji Penapis Minyak dan Petrokimia di Taman Perindustrian PMB pada masa akan datang dijangka akan membukakan lebih banyak peluang pekerjaan secara langsung (*direct employment*) yang baharu pada permulaan operasi, di mana 50 peratus daripadanya adalah dikhaskan bagi pekerja-pekerja tempatan dan peratus ini direncanakan akan meningkat sehingga mencapai 90 peratus pada masa

akan datang.

Perusahaan - perusahaan tempatan juga dijangka akan dimanfaatkan dengan limpah kesan ekonomi melalui penggunaan perkhidmatan dan pembelian barangan daripadanya bagi menampung pengoperasian loji ini, yang mana dijangkakan akan menjana 2,400 peluang pekerjaan secara tidak langsung (*indirect employment opportunities*).

Pada fasa pembinaan sahaja, sebanyak 82 buah perusahaan tempatan telah dianugerahkan kontrak oleh Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. bagi beberapa perkhidmatan, termasuk pembekalan barangan berkaitan dengan kerja-kerja

pembinaan, perkhidmatan ukuran pembinaan, pembekalan basikal, pembelian bas, penyewaan kenderaan, perkhidmatan ambulans, pembekalan produk kimia, pembersihan, perkhidmatan bot dan lain-lain.

Kesinambungan keberangkatan lawatan-lawatan kerja ini jelas mencerminkan sokongan DYTM ke arah merealisasikan pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat di negara ini sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

# Tinjau Serasa Casting Yard bagi Projek Jambatan Temburong

Oleh : Wan Mohamad Sahran  
Wan Ahmadi  
Foto : Masri Osman

SERASA, Khamis, 28 Februari. - Keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke Pulau Muara Besar didahului dengan membuat tinjauan mengenai keadaan Jalan Serasa dan Jalan Perusahaan Serasa, dan seterusnya meninjau Serasa Casting Yard bagi Projek Jambatan Temburong.

Menjunjung keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di sini ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Kementerian Pembangunan, Yang Mulia Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin yang juga menyebarkan penerangan mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Casting Yard Serasa.

Aktiviti utama seperti pembuatan galang kekotak (*box girders*) bagi projek pembinaan Jambatan Temburong telah selesai dilaksanakan.

Sementara itu, Jurutera Muda-Superstructure Pakej Construction Contract 2 (CC2), Awang Mohammad Nurul Faizan bin Haji Bakir, antara lain menerangkan matlamat Serasa



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan meninjau Serasa Casting Yard bagi Projek Jambatan Temburong (atas). Manakala gambar bawah kiri, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani lembaran kenangan sempena keberangkatan ke projek tersebut.

Casting Yard, iaitu penghasilan galang juga aliran kerja sehingga pemasangan galang di jambatan.

DYTM berkenan menyaksikan galang kekotak berukuran 50m panjang kerana hari ini merupakan pemasangan terakhir bagi pakej CC2 dengan menggunakan kaedah pengangkutan secara serentak. Pemasangan *box girder*

tersebut dilaksanakan pada sebelah petang, yang mana ia mencatatkan satu lagi pencapaian penting dalam projek mega ini. DYTM kemudian dijunjung menandatangani lembaran kenangan, seterusnya dijunjung

bagi sesi bergambar ramai. Penghasilan pakej CC2 adalah sebanyak 578 biji, manakala 350 biji pula bagi pakej CC3 dan kedua-dua pakej tersebut hanya dilaksanakan di Serasa Casting Yard.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima sembah taklimat mengenai Serasa Casting Yard bagi Projek Jambatan Temburong daripada Jurutera Muda-Superstructure Pakej Construction Contract 2 (CC2), Awang Mohammad Nurul Faizan bin Haji Bakir (atas). Sementara gambar kiri, DYTM berkenan menerima junjung ziarah daripada para pekerja tempatan yang terlibat sama dengan projek-projek tersebut.

# Menerima mengadap YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah



Oleh : Wan Mohamad Sahran  
Wan Ahmadi  
Foto : Masri Osman

Luar Negeri.

Menyertai bersama rombongan Yang Amat Berhormat pada Majlis Mengadap tersebut ialah Timbalan Menteri Luar Malaysia, Yang Berhormat Senator Dato' Marzuki bin Yahya; Timbalan Ketua Setiausaha, Yang Mulia Raja Dato' Nushirwan bin Zainal Abidin; Ketua Pengarah, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Yang Berbahagia Dato' Mohtar bin Mohd Abd. Rahman dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (Designate), Tuan Yang Terutama Ismail bin Salam.

Juga hadir, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Selepas Majlis Mengadap berkenaan, DYTMM kemudiannya berangkat bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat berserta rombongan bagi Majlis Santap Tengah Hari di ruang lain Qashr Al-Meezan.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia berada di Negara Brunei Darussalam dalam rangka Lawatan Rasmi selama dua hari.

Dengan lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia ke negara ini akan memperkukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama yang sudah dijalin di antara kedua-dua buah negara.

Lawatan ke negara ini merupakan siri lawatan pengenalan beliau ke negara ASEAN setelah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada Mei tahun lepas.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail yang berlangsung di Qashr Al-Meezan. Berangkat sama pada Majlis Mengadap tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri, dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail berlangsung di Qashr Al-Meezan, di sini.

Berangkat sama pada Majlis Mengadap tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat berserta rombongan bagi Majlis Santap Tengah Hari di ruang lain Qashr Al-Meezan (kiri dan bawah).



# Kebudayaan eratkan hubungan dua hala NBD - Kesultanan Oman



**YANG** Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Malam Kebudayaan Oman yang berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah yang disampaikan oleh Under Secretary of the Ministry of Information, Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Ali bin Khalfan Al-Jabri.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**PERSEMBAHAN** Kebudayaan gabungan Omani Music Band dan Senandung Budaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memeriahkan Malam Kebudayaan Oman di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.

**JERUDONG,** Khamis, 28 Februari. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Malam Kebudayaan Oman yang berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari.

Tuan Yang Terutama dalam

sembah ucapan alu-aluannya antara lain berkata pencapaian utama yang terjalin sekian lama dalam persahabatan yang mesra dan hubungan dua hala yang sangat baik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kesultanan Oman dalam bidang budaya menjadi kebanggaan kedua-dua buah negara tersebut.

Sembah TYT lagi, kedua-dua buah negara juga sering mengambil bahagian di pelbagai aktiviti kebudayaan dan intelektual yang dianjurkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sama ada di Brunei atau Oman seperti Muscat Festival, Festival Pelancongan Salah, dan Muscat Book Fair, yang mana turut disertai oleh NBD.

Menyentuh mengenai Pesta Buku Brunei tahun ini, TYT menyembahkan bahawa penyertaan Kesultanan Oman sebagai 'Country of Honour' bertujuan untuk memperkukuh-

kan hubungan dua hala di antara NBD dan Kesultanan Oman juga meningkatkan hubungan orang ramai, yang merupakan sebahagian daripada diplomasi awam yang melengkapinya diplomasi tradisional dan formal.

TYM kemudian berkenan menerima pesambah yang disampaikan oleh Under Secretary of the Ministry of Information, Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Ali bin Khalfan Al-Jabri.

Malam Kebudayaan Oman diserikan lagi dengan pelbagai persembahan kebudayaan gabungan Omani Music Band dan Senandung Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut diadakan ialah pelancaran dokumentari filem dalam hubungan dua hala di antara NBD dan Kesultanan Oman, bertajuk "Brunei as viewed by an Omani Lens" dan filem-filem dokumentari yang disediakan oleh Oman T.V.

Melalui kegiatan kebudayaan dua hala di antara NBD dan Kesultanan Oman, ia dapat membantu memantapkan kepelbagaian budaya yang berbeza, di samping dapat membantu mempelajari sedikit sebanyak mengenai keduanya dengan bergerak secara progresif ke arah pemulihan budaya.

Juga hadir ke acara tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.



**CUCUNDA-CUCUNDA** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil ketika hadir pada Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, bertempat di Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Februari. - Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) mengadakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara

Brunei Darussalam Ke-35 bertempat di dewan sekolah berkenaan.

Turut berangkat ialah cucunda-cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

## SR YSHHB raikan HK35

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil.

Di majlis tersebut, Pengetua SR YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi menerangkan mengenai sejarah ringkas Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menjelaskan mengenai tanggungjawab pelajar-pelajar sebagai rakyat untuk sentiasa cinta dan berbakti kepada negara.

Sehubungan itu jelasnya, murid-murid SR YSHHB mestilah sentiasa menanamkan sikap patriotisme dengan rajin menuntut ilmu dan belajar secara bersungguh-sungguh bagi sama-sama memastikan negara akan berkembang maju pada masa akan datang selaras dengan tema Hari Kebangsaan pada tahun ini, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Sejurus kemudian, acara diteruskan dengan Ikrar Hari



**Berita dan Foto :**  
Mohamad Azmi Awang Damit

Kebangsaan oleh pelajar-pelajar diikuti dengan membentuk angka 35 serta laungan 'Allahu Akbar' sebanyak tiga kali.

Sambutan antara lain bertujuan untuk memupuk semangat setia

dan patriotik dalam kalangan para pelajar terhadap negara, di samping dapat memberikan pengalaman juga pendedahan mengenai acara Sambutan Hari Kebangsaan.

# Jabatan Penjara perlu perubahan minda, tingkatkan usaha



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (kiri) menyampaikan Sijil dan Hadiah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Penjara Tahun 2018 kepada seorang Pegawai Penjara (kiri), sementara gambar kanan, Upacara Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-65, Tahun 2019 di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara.

TUTONG, Jumaat, 1 Mac. - Pembangunan Negara Brunei Darussalam yang semakin pesat kini menghadapi cabaran daripada kemajuan dalam berbagai aspek, termasuk teknologi komunikasi.

Jenis jenayah sekarang sudah berkembang dan berubah, sementara landskap keselamatan sentiasa bergolak dengan bertambahnya isu-isu sosial mengikut corak berlainan.

Sehubungan itu, warga Jabatan Penjara adalah diperlukan untuk mengamalkan perubahan minda (*mindset*) dan mencari pendekatan baharu untuk terus

mempertingkatkan usaha dalam pelaksanaan peranan dan fungsi.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa menyampaikan ucapannya selaku tetamu kehormat pada Upacara Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-65, Tahun 2019 di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara, di sini.

Pelaksanaan peranan dan fungsi

tersebut, jelas Yang Berhormat termasuklah dalam menjalankan program pemulihan dari segi fizikal, psikologikal, sosial, pendidikan dan spiritual.

Upacara Perbarisan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Ketua Pegawai Penjara, Pengiran Md. Safuandi Shah bin Pengiran Haji Md. Tahir.

Tetamu kehormat dan para jemputan seterusnya beredar ke Dewan Silaturrahim, Pusat Latihan, Jabatan Penjara bagi Majlis Penyampaian Sijil dan Hadiah Pekerja Cemerlang

## Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

Perkhidmatan Penjara Tahun 2018.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Mohd Amir Hairil bin Haji Mahmud; dan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut. Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis

Mesyuarat Negara, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dari KHEDN, ketua-ketua cawangan daripada agensi-agensi kerajaan Daerah Tutong, Ahli-ahli Jaksa Pelawat Jabatan Penjara, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan jemputan-jemputan Khas lain.



MENTERI Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien ketika sembah alu-aluannya.

PULAU MUARA BESAR, Khamis, 28 Februari. - Pembinaan Loji Penapis Minyak dan Petrokimia setakat ini telah mencapai 78 peratus dan dijangka siap pada bulan Julai 2019 dan akan mula beroperasi di penghujung tahun ini.

Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien menjelaskan demikian ketika menyebarkan bahawa loji tersebut akan memulakan pengeluaran produk petroleum bagi kegunaan dalam negeri dan

## Loji sumbang USD 1.33 bilion KDNK menjelang tahun 2020

bagi tujuan eksport, termasuk pengeksportan bahan-bahan penggunaan industri tekstil di luar negeri.

Pada kemuncak pengoperasian-nya, menurut Yang Berhormat, loji ini akan mampu memproses 175 ribu tong minyak mentah sehari, di mana 12 ribu tong minyak adalah bagi keperluan dalam negeri.

Ianya mendukung usaha ke arah negara yang mampu diri, di mana ia akan menyumbang kepada pembekalan produk petroleum dalam negeri yang mencukupi dan lebih terjamin," jelas Yang Berhormat dalam sembah alu-aluannya sempena keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa berkenan mengadakan lawatan ke loji berkenaan di sini.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny seterusnya menyatakan, projek itu dihasratkan untuk menyumbang kira-kira USD1.33 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020.

Di samping itu, tambahnya,

ia akan menjana sebanyak 1,665 peluang pekerjaan secara langsung, di mana sekurang-kurangnya 50 peratus akan dikhaskan kepada pekerja-pekerja tempatan pada permulaannya, seterusnya akan meningkat kepada 90 peratus pada masa akan datang.

Jelas Yang Berhormat, projek itu turut menghasilkan limpah kesan ekonomi kepada perusahaan-perusahaan tempatan bagi menampung pembinaan dan pengoperasian loji.

Dalam fasa pembinaan sahaja, ujaninya, 82 buah perusahaan tempatan telah dianugerahkan kontrak oleh Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. bagi beberapa perkhidmatan, termasuk pembekalan barangan pembinaan, perkhidmatan ukuran pembinaan, logistik, pembekalan produk kimia, pembersihan dan lain-lain.

Terdahulu katanya, Taman Perindustrian tersebut merupakan salah satu daripada sepuluh tapak perindustrian yang dibukakan kepada pelabur langsung asing di bawah pengurusan Darussalam Enterprise dengan keluasan 955 hektar sebelum *reclamation* dan dikhaskan bagi aktiviti-aktiviti minyak dan gas hiliran juga perindustrian marin.

Pembangunan Loji Penapis Minyak dan Petrokimia ini

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Masri Osman

merupakan projek pertama di tapak itu dan projek usaha sama Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd., iaitu syarikat usaha sama di antara Damai Holdings Ltd. di bawah Strategic Development Capital Fund, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan syarikat pelabur langsung asing Zhejiang Hengyi Company Limited dari Republik Rakyat China.

Projek tersebut mempunyai jumlah pelaburan kira-kira USD3.4 bilion dengan keluasan 276 hektar.

Sebelum mengakhiri sembah alu-aluannya, Yang Berhormat seterusnya menekankan komitmen padu berterusan di antara kementerian-kementerian, agensi-agensis berkepentingan

juga Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. yang merupakan asas utama bagi menjayakan projek berkenaan.

"Sebuah Jawatankuasa Pandu telah ditubuhkan semenjak bulan Julai 2018, yang kini dikenali sebagai Jawatankuasa Pandu Kemajuan Pulau Muara Besar. Peranannya adalah bagi memastikan pemantauan, perancangan dan pengawalseliaan hal ehwal berkaitan dengan Pulau Muara Besar secara holistik agar manfaat sosio-ekonomi daripadanya dimaksimalkan; juga Hal Ehwal Health, Safety and Environment (HSE), keselamatan, kesejahteraan para pekerja, kedaulatan negara dan imej negara sebagai negara hijau sentiasa dijaga," tegas Yang Berhormat.

**"PROJEK itu dihasratkan untuk menyumbang kira-kira USD1.33 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020. Di samping itu, tambahnya, ia akan menjana sebanyak 1,665 peluang pekerjaan secara langsung, di mana sekurang-kurangnya 50 peratus akan dikhaskan kepada pekerja-pekerja tempatan pada permulaannya, seterusnya akan meningkat kepada 90 peratus pada masa akan datang."**



# Memperkukuh kerjasama dua hala pengurusan bencana

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BERAKAS**, Rabu, 27 Februari. - Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail membuat lawatan ke Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDCM).

Ketibaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah bersama rombongan dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Turut mengalu-alukan ketibaan Yang Amat Berhormat ialah Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Pada lawatan tersebut, Yang Amat Berhormat antara lain menghadiri sesi taklimat yang disampaikan oleh Pengarah NDCM, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said.

Antara isi kandungan taklimat adalah mengenai latar belakang NDCM dan mekanisme pengurusan bencana di Negara Brunei Darussalam.

Beberapa perkara utama dibincangkan selepas sesi taklimat

tersebut, meliputi peluang-peluang kerjasama di antara Brunei dan Malaysia dalam menangani bencana, termasuk pembangunan kapasiti dalam operasi mencari dan menyelamatkan; latihan-latihan bersama (*joint exercise*) dalam menghadapi bencana seperti tsunami dan banjir; dan potensi mewujudkan Prosedur Operasi Standard atau Standard Operating Procedure bagi menangani kejadian bencana merentas sempadan melibatkan Sabah dan Sarawak.

Yang Amat Berhormat bersama rombongan juga membuat lawatan ke Pusat Perintah Bencana (Disaster Command Centre), di mana taklimat mengenai fungsi dan tanggungjawab pusat berkenaan disampaikan oleh Pegawai Pengurusan Bencana



TIMBALAN Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail semasa mengadakan perjumpaan bersama Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.


Kanan. Lawatan itu akan mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia dalam bidang pengurusan bencana.



TIMBALAN Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah menghadiri sesi taklimat di NDCM (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Amat Berhormat membuat lawatan ke Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan.



# Majlis Keagamaan raikan penubuhan Jabatan Penjara Ke-63



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (lima, kiri) hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan Majlis Khatam Al-Quran sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-63 Tahun yang diadakan di Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 28 Februari. - Jabatan Penjara seperti tahun-tahun sebelumnya melalui Jawatankuasa Keagamaan Jabatan Penjara mengadakan dua majlis serentak,

iaitu Majlis Doa Kesyukuran dan Majlis Khatam Al-Quran Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-63 Tahun pada setiap 1 Mac.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis yang berlangsung di Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut, di sini ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (Keselamatan,

Kesejahteraan dan Undang-Undang), Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud; Pemangku Pengarah Penjara, Awang Haji Muhammad Isamuddin bin Abdullah Juna; Pemangku Timbalan Pengarah Penjara, Pengiran Haji Omar bin Pengiran Haji Othman para pegawai kanan, pegawai-pegawai juga kakitangan Jabatan Penjara.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, diteruskan dengan bacaan Takhtim, diikuti dengan Doa Khatam dan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Imam Masjid Ar-Rahman, Imam Asbinin bin Haji Zainal.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyampaikan sijil kepada salah seorang pelajar SMALHB pada Half Al-Takharruj Kali Ke-25 Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB).

#### Dari muka 1

Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15 MMN akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pengurniaan perutusan titah sebagai bermulanya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15 MMN.

Persidangan MMN Musim Ke-15 akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib selaku Yang Di-Pertua MMN; dibantu oleh Jurutulis MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar; dan Timbalan Jurutulis MMN, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail.

Persidangan MMN memasuki usia 15 tahun persidangan sejak ia ditubuhkan semula pada tahun 2004. MMN bersidang pada setiap tahun pada bulan Mac untuk membincangkan dan meluluskan perkara utama, iaitu Rang Undang-Undang Perbekalan tahunan bagi setiap Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan kerajaan, sebelum berakhirnya tahun kewangan pada setiap 31 Mac.

Persidangan MMN pada tahun ini akan membincangkan Rang Undang-Undang (2019) Perbekalan, 2019 / 2020, yang akan diguna pakai bermula pada 1 April 2019.

Selain daripada Belanjawan Tahunan, Persidangan MMN juga akan membincangkan perkara-perkara yang relevan dan signifikan kepada rakyat dan negara secara bermuzakarah, yang berlangsung dengan harmoni berlandaskan Melayu Islam Beraja.

Seperti petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Permesyuaratan Ke-14 MMN pada tahun lepas, bahawa hasrat baginda agar Ahli MMN menggunakan persidangan tersebut sebagai satu saluran, di mana ahli-ahli dapat mengemukakan buah fikiran serta mencadangkan perkara-perkara yang dapat membawa perubahan yang besar kepada negara dan rakyat.

Pada persidangan MMN, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 pada tahun lepas bersidang selama 12 hari, membincangkan pelbagai isu kemajuan, sosial dan memperkembangkan produktiviti kerajaan; dan pembangunan negara, termasuk memperkukuhkan asas ekonomi agar ia menjadi lebih mampan, luas, berdaya tahan, berdaya saing juga berdaya maju.

MMN ditubuhkan menurut Bab 23 daripada Perlembagaan Negara Brunei 1959 dan Ahli-ahlinya dilantik menurut Bab 24.

MMN dibubarkan pada tahun 1984 dan bersidang semula pada 25 September 2004. Penubuhan persidangan ini adalah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-58 tahun pada 15 Julai 2004.

Ahli-Ahli MMN berjumlah 36 orang terdiri daripada Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Orang-orang Bergelar, Orang-orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan dan Wakil-wakil Yang Dilantik Dari Daerah-daerah.

Sesi Persidangan MMN adalah dibukakan kepada orang awam yang berminat untuk mendengarkan perbincangan dan perbahasan di dalam Dewan Persidangan MMN.

Ia juga boleh dihadiri oleh mana-mana institusi pendidikan yang berminat untuk memberikan pendedahan kepada penuntut-penuntut atau mahasiswa / mahasiswi dengan tatacara membincangkan sesebuah Rang Undang-Undang di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan ini, mana-mana pihak yang berhasrat untuk menghadiri Sesi Persidangan MMN adalah diminta untuk mematuhi beberapa peraturan, khususnya berkenaan dengan kod pakaian dan tatacara untuk masuk ke Dewan Majlis, termasuklah peraturan-peraturan semasa di dalam Dewan Persidangan MMN.

Pada lazimnya, Sesi Persidangan MMN dibahagikan kepada Sesi Pagi, bermula pada jam 9.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari; dan Sesi Petang yang dimulakan pada jam 2.00 Petang hingga 4.30 Petang.

Bagi sebarang pertanyaan bolehlah diajukan kepada pihak Urusetia Majlis Mesyuarat Negara di talian +673 2380501.

# 269 pelajar SMALHB terima STPUB

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 28 Februari. - Seramai 269 pelajar menerima Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) mengikut jurusan masing-masing pada Hafl Al-Takharruj Kali Ke-25 Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis penyampaian sijil kepada para pelajar.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Pada majlis tersebut, Pemangku Pengetua SMALHB, Dayang Hajah Sarimah binti Haji Ahmad dalam ucapan alu-aluannya antara

lain menjelaskan, daripada jumlah tersebut, seramai 171 pelajar dari jurusan Syariah, 76 pelajar jurusan Usluddin dan 22 pelajar jurusan Lughah.

Dari jumlah tersebut katanya, seramai 119 pelajar menerima sijil pangkat Mumtaz, 91 pangkat Jayyid Jiddan, 47 pangkat Jayyid dan 12 pangkat Makbul.

"Dalam jumlah tersebut juga, seramai 39 pelajar menerima Sijil Brunei Cambridge GCE 'A' Level iaitu seramai 29 pelajar dari Kelas Umum 1 dan seramai 10 pelajar dari Kelas Umum 2, iaitu kelas yang mengambil dua jurusan Arab dan Umum," tambahnya.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu Rasmi Sekolah

diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada pelajar SMALHB, Awang Muhd. Nur Iqbal bin Awang Asli.

Penyampaian sijil tersebut adalah merupakan tanda penghargaan bagi pelajar-pelajar yang telah lulus dalam peperiksaan STPUB dan BC GCE 'A' Level, dalam usaha membarigakan dan memartabatkan pendidikan Agama Islam dan Arab kepada masyarakat di negara ini sekaligus memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada para pelajar kerana berjaya dalam bidang akademik juga mengharumkan nama sekolah dalam bidang kurikulum, sama ada dalam sekolah mahupun peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Terdapat peningkatan yang ketara daripada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan 2.33 peratus dari tahun 2017 yang mendapat pangkat Mumtaz dan 4.83 peratus yang mendapat pangkat Jayyid Jiddan.

Turut memeriahkan majlis, persembahan Deklamasi Sajak oleh para pelajar SMALHB dan Penyampaian Hadiah Cemerlang; Hadiah Anugerah Khas dan tayangan video klip.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Saiful Wafi bin Haji Adis.



PARA pelajar SMALHB yang diraikan pada Hafl Al-Takharruj Kali Ke-25 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

## Tingkat kompetensi sekolah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Febuari. - Konvensyen Pemimpin Sekolah bagi Tahun 2019 yang diadakan selama dua hari melabuh tirainya dengan Majlis Penyampaian Sijil yang diadakan di Universiti Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Konvensyen yang bertemakan 'Quality Leaders, Quality Education' (Pemimpin Berkualiti, Pendidikan Berkualiti) itu membentangkan beberapa komponen perisian konvensyen, iaitu sosialisasi Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018 - 2022, forum mengenai inisiatif-inisiatif jabatan, Bahagian dan Unit di bawah Kementerian Pendidikan, di samping Bengkel Kompetensi Pemimpin Sekolah.

Majlis diselenggarakan dengan Majlis Penyampaian Anugerah Insentif Sekolah, iaitu bagi



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman semasa menyampaikan Anugerah Insentif Sekolah kepada salah sebuah sekolah yang berjaya menunjukkan peningkatan.

memberikan penghargaan dan pengiktirafan terhadap usaha sekolah-sekolah yang menunjukkan pencapaian dan peningkatan yang signifikan dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), BC GCE Peringkat 'O' dan 'A' bagi tahun 2018.

Anugerah Insentif ini mula diadakan pada tahun 2014

sebagai salah satu acara tahunan yang dikendalikan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah sebagai motivasi kepada sekolah-sekolah rendah, menengah, maktab dan Pusat Tingkatan Enam kerajaan senegara supaya akan lebih bersemangat meraih kejayaan yang lebih baik, khususnya dalam akademik pada masa akan datang.

# Pemasangan galang kekotak terakhir selesai dilaksanakan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yoon Hyun-bong hadir bagi menyaksikan pemasangan galang kekotak atau Box Girder terakhir bagi Projek pembinaan Jambatan Temburong (kiri). Sementara gambar kanan, galang kekotak yang terakhir dipasang telah melengkapkan pembinaan Jambatan Marin yang berukuran 13.35 kilometer.

## KIGS pasarkan kemahiran profesional kreatif



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin merasmikan Hari Terbuka Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (KIGS).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Februari. - Dalam meraih peluang untuk memasarkan kemahiran profesional kreatif dan membawa pelajar lebih dekat ke dunia pekerjaan, Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (KIGS) mengadakan Hari Terbuka bermula hari ini sehingga 3 Mac nanti.

Hari Terbuka KIGS yang bertemakan 'Towards an Innovative Culture' juga bertujuan bagi memasarkan program-program yang ada di KIGS kepada bakal pelajar dan masyarakat umum, di samping para pelajar juga berpeluang mempamerkan projek akhir bagi pembelajaran melalui kritikan awam dan penilaian kerja mereka.

Adalah diharapkan aktiviti-aktiviti dan karya-karya pelajar yang dipamerkan akan dapat menarik perhatian daripada pekerja berpotensi dan meningkatkan peluang atau dapat

memberi motivasi kepada pelajar dalam melanjutkan pengajian mereka.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Hari Terbuka KIGS yang berlangsung di kolej tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif KIGS, Dr. Haji Azaharaini bin Haji Mohd. Jamil dalam ucapannya menjelaskan, Hari Terbuka juga bertujuan untuk mempromosikan industri kreatif sebagai alat penjana pendapatan bagi individu dan juga negara yang dipercayai dapat meningkatkan industri pelancongan, di mana perkembangan dalam industri pelancongan boleh membawa kepada lebih banyak pekerjaan bagi generasi belia.

Berita dan Foto :  
Saerah Haji Abdul Ghani

Pada masa yang sama beliau percaya, pameran seni dan reka bentuk pelajar sebagai aktiviti institusi dapat menguatkan kecenderungan positif pelajar untuk mengambil subjek di peringkat pendidikan tinggi.

Sebagai pengiktirafan penting industri kreatif dalam pembangunan ekonomi jelasnya lagi, pameran Arts and Design Kali Ke-5 juga diadakan semasa Hari Terbuka ini bagi menyediakan jalan bagi pemasaran dan penjualan karya seni atau artifak yang berkesan, di mana pameran ini merupakan aktiviti berterusan yang dikendalikan oleh Fakulti Seni dan Kemanusiaan sebagai sebahagian daripada keperluan program untuk menyediakan platform bagi pelajar mempamerkan hasil karya mereka sebagai tontonan orang ramai dan maklum balas profesional sebagai cara meningkatkan kualiti karya seni serta kreativiti dan kapasiti inovasi pelajar.

Pada majlis itu, tetamu kehormat seterusnya merasmikan Pusat Perniagaan, Pemasaran dan Komunikasi (Business Marketing and Communication Centre - BMCC) KIGS, bertempat di Blok A-B Corner Kompleks Setia Kenangan dan seterusnya mengadakan lawatan ke pameran-pameran di pusat berkenaan.

Pusat berkenaan akan menjadi pusat aktiviti perniagaan KIGS dengan konsep *business incubation* bagi membantu pelajar meraih keyakinan dalam perniagaan, di samping menjadi pusat pemasaran produk dan perkhidmatan dan komunikasi, di mana maklumat mengenai program KIGS, aktiviti juga pelajar dan sebagainya tersedia bagi orang ramai.

Semasa lawatan itu, tetamu kehormat juga melancarkan Learning Management System

Siaran Akhbar : Kementerian Pembangunan  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Februari. - Projek pembinaan Jambatan Temburong hari ini mencatatkan satu lagi pencapaian penting di mana pemasangan galang kekotak (*box girder*) ke-578 dan terakhir bagi pembinaan Jambatan Marin di bawah pakej CC2 telah sempurna dilaksanakan, di sini.

Hadir bagi menyaksikan pemasangan galang kekotak atau Box Girder terakhir ini ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dan Timbalan Menteri Pembangunan, Kementerian Pembangunan, Yang Mulia Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin serta Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama

Yoon Hyun-bong. Kontrak Pakej CC2-Jambatan Marin ini adalah di bawah pengendalian Syarikat pembinaan usaha sama Daelim-Swee. Ia mula dibina pada 25 Februari 2015 dan mengambil tempoh 48 bulan untuk selesai dilaksanakan.

Pemasangan galang kekotak yang terakhir tersebut telah melengkapkan pembinaan Jambatan Marin yang berukuran 13.35 kilometer yang mana adalah sebahagian besar daripada Projek pembinaan Jambatan Temburong.

Pemasangan tersebut juga menandakan bahawa Jambatan Marin tersebut kini telah dihubungkan dengan Pakej CC4 iaitu pembinaan sebahagian daripada Jambatan di Daerah Temburong.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyaksikan pameran sempena Hari Terbuka KIGS.

(LMS) Pilot Project, Laman Web KIGS Baharu dan Pameran 5th Vibe Arts and Multimedia Design.


LMS merupakan sistem yang menjadikan pembelajaran lebih menarik dan sistematik dikendalikan berbanding dengan sistem tradisional, di samping dapat meningkatkan pembelajaran secara bebas dalam kalangan pelajar.

Sistem pembelajaran tersebut sudah tersedia dan pelaksanaannya dijangka akan dilaksanakan pada

bulan April ini yang akan melibatkan satu atau dua fakulti sebagai projek perintis.

Sementara itu, Laman Web KIGS Baharu antaranya mengandungi penambahan profil kakitangan yang dianggap penting kerana ia sebagai maklumat kepada orang ramai mengenai tenaga pengajar KIGS juga bidang kemahiran mereka dan kegiatan yang telah dilakukan pada masa lalu dalam menyumbang kepada pembangunan profesional dan institusi.

# Bincang hubungan kerjasama dua hala



TIMBALAN Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail mengadakan perjumpaan bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin di The Empire Hotel & Country Club.

**JERUDONG**, Rabu, 27 Februari. - Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail mengadakan perjumpaan bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin di The Empire Hotel & Country Club. Semasa perjumpaan tersebut, kedua-dua pihak membincangkan perkara-perkara berhubung kerjasama dua hala, terutama dalam bidang

pembangunan wanita, keluarga dan kemasyarakatan. Sementara pada sebelah petang pula, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah mengadakan lawatan ke Pusat Bahagia. Semasa berada di pusat tersebut, Yang Amat Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Sukan juga program-program yang dijalankan di Pusat Bahagia. YAB juga meninjau ke kelas-kelas dan bengkel-bengkel latihan, seterusnya beramah mesra dengan para pelatih di pusat itu.

Hadir mengalu-alukan lawatan YAB ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan. Mengiringi YAB semasa majlis perjumpaan dan lawatan berkenaan, Timbalan Menteri Luar Malaysia, Yang Berhormat Senator Dato' Marzuki bin Yahya; dan Timbalan Ketua Setiausaha, Yang Mulia Raja Dato' Nushirwan bin Zainal Abidin. Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil juga pegawai-pegawai kanan di kementerian berkenaan.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

## Beri inspirasi untuk lebih inovatif

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Zul-izzati Haji Duraman



KETUA Jurutera Petroleum dari Brunei Shell Petroleum (BSP), Henk Leegte ketika memberikan ucapan alu-aluan.

Leegte dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, integrasi di antara BSP dan universiti-universiti juga politeknik-politeknik di negara ini mampu membuka peluang kepada para pelajar untuk membina rangkaian, sekali gus menginspirasi mereka untuk merancang karier masa depan.

Forum dilancarkan oleh Pengurus Ekplokasi BSP, Gijs Holstege dan disampaikan oleh perwakilan dari BSP dan pelajar kejuruteraan UTB.

Dengan menggunakan aktiviti *hands-on* bagi para pelajar, forum tersebut memuatkan bagaimana pembelajaran teknikal dan teknologi terkini diguna pakai pada hari ini dalam disiplin bidang kejuruteraan petroleum dan geosains di BSP, bagaimana BSP menyumbang kepada eksplorasi juga mengeluarkan minyak dan gas dengan cara yang selamat di Negara Brunei Darussalam.

Forum diharapkan dapat memberi inspirasi kepada para pelajar untuk menjadi lebih inovatif apabila berhadapan dengan menyelesaikan masalah *subsurface*.

Forum juga bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran mengenai impak positif *digitalizing* yang berkeleluasan di muka data *subsurface*.

Selain forum, para pelajar juga berpeluang menyaksikan pameran yang disediakan oleh pihak BSP.

**TUNGKU LINK**, Rabu, 27 Februari. - Lebih 100 pelajar Program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma dari Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengikuti Forum Kejuruteraan Petroleum yang diadakan selama sehari di Bilik Kuliah universiti berkenaan.

Forum adalah sebagai platform para pelajar untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai kemahiran yang mereka ada, yang mana satu hari nanti sangat diperlukan dalam bidang industri minyak dan gas.

Terlebih dahulu, Ketua Jurutera Petroleum dari Brunei Shell Petroleum (BSP), Henk

## Suspek curi dihadapkan ke mahkamah

**SERIA**, Rabu, 27 Februari. - Pada 25 Februari lepas satu laporan dibuat di Balai Polis Seria mengenai kecurian yang berlaku di salah sebuah syarikat swasta di kawasan Seria.

Berikutan laporan tersebut, satu penahanan dibuat ke atas seorang warganegara asing, berbangsa Bangladesh, iaitu pekerja di syarikat berkenaan.

Suspek Md. Abul Hossain berumur 44 tahun, bertugas sebagai pemandu trak, dipercayai melakukan curi terhadap barangan-barangan besi kepunyaan syarikat di tempatnya bekerja, dengan mengangkut barangan tersebut menggunakan kenderaan syarikat atas tujuan untuk dijual.

Suspek dihadapkan ke mahkamah hari ini atas tuduhan di bawah Seksyen 381 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tujuh tahun dan denda.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



SUSPEK Md. Abul Hossain, bangsa Bangladesh, berumur 44 tahun.



### Tajuk-tajuk yang akan datang ialah:

- 1) 'Suasana Sambutan Hari Kebangsaan' - Tarikh Tutup : 9 Mac 2019
- 2) 'Aktiviti Cuti Persekolahan' - Tarikh Tutup : 23 Mac 2019
- 3) 'Pokok' - Tarikh Tutup : 13 April 2019

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG, *high resolution* dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 50 perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui e-mel

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

4. Jabatan Penerangan berhak untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.

# Platform memperkukuh budaya membaca



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada perasmian Pesta Buku Brunei 2019.

BERAKAS, Rabu, 27 Februari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan terus memastikan Pesta Buku tetap relevan dengan mengambil

langkah baharu dalam pemberdayaan apa jua format buku, cetak ataupun elektronik, demi untuk terus memberikan nilai tambah dalam pendedahan pengetahuan yang bermanfaat kepada masyarakat.

Di samping itu, keadaan masa juga perlu dalam menjalankan proses *rebranding*, terutamanya melalui Perpustakaan-perpustakaan DBP di seluruh negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyatakan demikian semasa merasmikan Pesta Buku Brunei 2019 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Menurut Yang Berhormat,

untuk tahun 2019 secara khususnya, kita mensasarkan kepada minat para pengunjung, termasuk golongan belia dan masyarakat setempat. Strategi *rebranding* tersebut adalah untuk memastikan fungsi perpustakaan sentiasa relevan dan ia akan tetap digunakan sebagai platform untuk memperkukuhkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat am.

"Dalam ini, amatlah mustahak bagi kita untuk melihat serta peka kepada keadaan semasa dan seterusnya, mengambil pendekatan - pendekatan baharu secara bermakna seperti mengubah suai *environment* perpustakaan, memperkenalkan konsep *library café* serta menjadikannya sebagai pusat untuk mengembangkan *creative arts*," tambahnya.

Yang Berhormat turut menyambut baik usaha-usaha yang sudah dilaksanakan oleh pihak DBP pada tahun ini, termasuk aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan ke arah meningkatkan minat pengunjung ke perpustakaan daripada segenap masyarakat dan umur.

Pesta Buku kali ini juga menampilkan sesuatu yang istimewa, iaitu penyertaan Kesultanan Oman sebagai 'Country of Honour' bagi meraikan 15 tahun hubungan kerjasama

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad, Ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Negara Brunei Darussalam dengan Kesultanan Oman dalam bidang kesenian dan kebudayaan di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Kesenian dan Warisan Kesultanan Oman.

Dalam hal itu, Yang Berhormat dalam ucapannya turut melahirkan penghargaan kepada Under Secretary of the Ministry of Information, Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Ali Khalfan Al-Jabri berserta semua delegasi termasuk kumpulan kesenian dan kebudayaan Oman atas kehadiran mereka bagi sama-sama meraikan acara tersebut.

Yang Berhormat berkata, tahun ini menandakan tahun ke-7 penglibatan Kesultanan Oman dalam Pesta Buku Brunei sejak tahun 2013 dan melalui acara ini, kami juga berbangga untuk meraikan hubungan dan kerjasama dua hala dalam bidang kebudayaan dan kesenian di antara dua negara melalui KKBS Negara Brunei Darussalam dengan Kementerian Kebudayaan dan Warisan Kesultanan Oman.

Di samping itu, kami juga berbangga kerana ia juga bertepatan dengan perisytiharan

Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019 di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam (ISESCO) yang dilancarkan pada bulan Januari.

Pada Pesta Buku 2019 ini juga, Yang Berhormat turut berbangga dan merakamkan terima kasih atas penglibatan pelbagai agensi, termasuk keusahawanan para belia khususnya dalam menerajui penggunaan teknologi terkini.

"Alhamdulillah, biskita telah mengambil peluang keemasan ini untuk menonjolkan semangat dan sokongan kuat kepada memperkukuhkan budaya membaca di negara ini. Kita akan sentiasa mengalu-alukan keusahawanan, terutamanya daripada golongan belia dalam bidang pendidikan dan industri kreatif sepertimana yang jelas dapat dilihat dalam pesta ini. Matlamat kita tetap sama, iaitu bagi memastikan budaya membaca, bukan sahaja diterapkan oleh semua, tetapi juga akan dihayati, dikekalkan dan diteruskan lagi pada setiap masa," ujar Yang Berhormat.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan semasa merasmikan penyertaan istimewa dari Kesultanan Oman sebagai 'Country of Honour' di Pesta Buku Brunei 2019.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berkunjung ke petak jualan Pesta Buku Brunei 2019.

BERAKAS, Rabu, 27 Februari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terus berusaha memperkukuhkan lagi budaya membaca dalam kalangan masyarakat melalui penganjuran Pesta Buku Brunei (PBB) yang kekal menjadi satu platform mustahak dalam kalendar kegiatan di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, PBB 2019 sempena Sambutan Ulang Tahun

Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 membuka tirainya dengan Majlis Perasmian yang disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan

Negara Hassanal Bolkiah.

Sebanyak 61 buah petak jualan dan pameran disertai oleh pelbagai pihak dan toko buku terdiri daripada DBP selaku penganjur, penerbit buku kerajaan, penerbit buku swasta, took-toko buku dari dalam dan juga luar negara, khususnya dari Indonesia, Jordan, Malaysia, Kesultanan Oman dan Singapura.

PBB kali ini menampilkan penyertaan istimewa dari Kesultanan Oman sebagai 'Country of Honour' bagi meraikan 15 tahun hubungan kerjasama Negara Brunei Darussalam dengan Kesultanan Oman dalam bidang kesenian dan kebudayaan di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Kesenian dan Warisan Kesultanan Oman.

Penyertaan Kesultanan Oman sebagai 'Country of Honour' juga disejajarkan dengan pengiktirafan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019 di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam (ISESCO).

Sebanyak lapan buah petak pameran diperuntukkan khusus bagi Kesultanan Oman dalam PBB kali ini bagi mempamerkan kebudayaan dan kesenian Kesultanan Oman.

Kesultanan Oman juga akan mengadakan *live cooking* bagi pembuatan halwa di luar Stadium Tertutup, persembahan Qud (sejenis muzik tradisional Kesultanan Oman), Bengkel Seni Berinai Henna dan Bengkel Kaligrafi.

PBB kali ini juga dimeriahkan dengan pelbagai kegiatan yang dirancang dibukakan khusus untuk sasaran kelompok entiti belia, dewasa dan kanak-

kanak, bahkan sasaran keluarga juga digalakkan untuk terlibat sama dalam apa jua kegiatan yang dilaksanakan.

Kegiatan-kegiatan yang akan diadakan merupakan sumbangan daripada DBP, Kesultanan Oman, Kementerian Pendidikan, GAPENA Malaysia, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Press, Akademi UF, Al-Huffaz Management, juga termasuk kegiatan-kegiatan lain seperti Bedah Karya dan Bicara Buku, Cabaran Ria Bacathon, Pertandingan Akhir Manifestasi Cerita Rakyat (CERRAK), Bengkel Penulisan Buku Cerita Kanak-Kanak, Bincang-bincang Buku Terbitan UNISSA Press, Sesi Bersama Penulis Buku, Amazing Race, Generasi Berkariah dan Bengkel Puisi Patriotik Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun ini juga beberapa kelompok entiti belia turut dilibatkan sama dalam Pesta Buku, khususnya mereka yang terbabit dalam bidang pengajaran, pembelajaran dan media, antaranya dari Al-Huffaz Management, Tarbiyah Global, Akademi UF, Darussalam Media dan penglibatan Pameran Trak Happy Harun dan rakan-rakan strategik yang akan turut mempamerkan juga mempromosi kegiatan pendidikan yang berbentuk aktiviti bergerak menggunakan platform *mobile truck*.

PBB dibuka bagi kunjungan orang ramai mulai hari ini sehingga 5 Mac depan, bermula dari jam 8.00 Pagi hingga 10.00 Malam dan pada Jumaat, dari jam 9.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.30 Petang hingga 10.00 Malam.



SEBAHAGIAN penuntut yang berkunjung ke Pesta Buku Brunei 2019.



## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI  
[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

### PERATURAN 7(A)

#### BILANGAN IKLAN 14/03/19 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 02 MAC 2019**  
**TARIKH TUTUP: 16 MAC 2019**

<b>1. PENTERJEMAH KANAN</b> <b>C.2 EB.3</b> BAHAGIAN III JABATAN-JABATAN KERAJAAN <b>KEKOSONGAN = SATU (01)</b>	<b>2. PENYELIA ARKIB</b> <b>C.3-4 EB.5</b> BAHAGIAN III JABATAN-JABATAN KERAJAAN <b>KEKOSONGAN = SATU (01)</b>
<b>3. KETUA PEMBANTU TEKNIK</b> <b>C.3-4 EB.5</b> BAHAGIAN III KEMENTERIAN PENDIDIKAN <b>KEKOSONGAN = SATU (01)</b>	<b>4. PEMBANTU HAIWAN</b> <b>D.3 EB.4-5</b> BAHAGIAN IV JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN <b>KEKOSONGAN = SATU (01)</b>
<b>5. JURUTERA</b> <b>B.2 EB.3</b> BAHAGIAN II JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI <b>KEKOSONGAN = DUA (02)</b>	

#### UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

#### HELPLINE:

**TALIAN DARUSSALAM 123**



#### JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : III (II, III & IV) SAHAJA  
KATEGORI :  
[KA01 SAHAJA] - (KOD BAHARU)

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**  
23 MAC 2019 (SABTU)

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**  
2 APRIL 2019 (SELASA), JAM 2.00 PETANG

**BILANGAN :**  
JKR / DDS 008 / 2019 - (CDE).T.III

**NAMA PROJEK :**  
**KONTRAK PENGGAL (2019 - 2022)**  
**PEMELIHARAAN SALIRAN DAN KOLAM**  
**BAGI KAWASAN 4 BRUNEI MUARA**

**YURAN TAWARAN : BND50.00**  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

**YURAN E -DOKUMEN : N/A**

#### Syarat-Syarat Tawaran :

DOKUMEN-dokumen tawaran dan syarat- syarat bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



#### PEJABAT KESIHATAN KUALA BELAIT

#### JUALAN HARTA BENDA KERAJAAN

SEBUT HARGA BAGI 1 UNIT GENERATOR SET  
KEPUNYAAN PUSAT KESIHATAN SERIA

#### KETERANGAN HARTA BENDA

1. 1 UNIT GENERATOR SET

#### CAJ BORANG :

BND 3.00

#### TARIKH TUTUP TAWARAN :

Rabu, 20 Mac 2019  
Sebelum jam 9.00 Pagi

#### TEMPAT MENGAMBIL DAN MENGHANTAR

#### BORANG SEBUT HARGA :

Unit Kutipan Hasil  
Bahagian Kewangan  
Pejabat Kesihatan Belait  
Jalan Pandan 1  
Kuala Belait, KA1931

#### TARIKH TUTUP MENGHANTAR

#### BORANG SEBUT HARGA PADA:

Selasa, 19 Mac 2019  
Sebelum jam 3.00 Petang

#### TEMPAT MELIHAT PERALATAN PEJABAT :

Pusat Kesihatan Setia  
Jalan Lorong 1 Barat, KB1133  
[Waktu pejabat jam 9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi]

Sila hubungi Awang Subli bin Haji Kasa, Pemangku Penyelenggara Stor, Pejabat Kesihatan Belait di talian +673 8119457 untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai syarat-syarat dan harta benda, lokasi-lokasi dan borang sebut harga.



#### JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : III, IV & V  
KATEGORI : KPB 12 SAHAJA - KOD BAHARU

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**  
12 MAC 2019 (SELASA)

**TARIKH TUTUP :**  
26 MAC 2019 (SELASA)  
JAM 2.00 PETANG

**BILANGAN TAWARAN:**  
JKR / DTS / 09 / CQS / 2019 - T / IV

**NAMA PROJEK :**  
**PROJEK TAMAN RIADAH KHAS (PTRK) - FASA 2**  
**i. RECTIFICATION OF LANDSCAPING WORKS**  
**NO. PROJEK : -**

**YURAN TAWARAN : BND100.00**  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

**YURAN E -DOKUMEN : -**

#### Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait (Bilangan Tawaran yang dimulai dengan huruf JKR/DBSKB...) bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.



#### KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

#### JAWATAN KOSONG DI KOMANWEL SEKRETARIAT, LONDON

**Jawatan : Planning and Monitoring Officer**

**Tarikh Tutup : 6 Mac 2019**

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut, sila layari laman sesawang :  
<http://thecommonwealth.org/jobs>



**JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**KENYATAAN TAWARAN**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Kadar bayaran dokumen sebut harga adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan sebut harga. Setiap penender hendaklah membayar borang dokumen sebut harga di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit pembayaran borang dokumen sebut harga yang diterima adalah betul.

3. Borang-borang sebut harga dan penerangan lanjut boleh diperolehi di Tingkat 9 Blok 2J, Unit Peruntukan dan Perbekalan Jabatan Sekolah-Sekolah, Bangunan Kondominium Jalan Ong Sum Ping, Negara Brunei Darussalam pada hari dan waktu bekerja.

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KP / JSS / UPP / JKSH / SM /  
PRINTER / 23 / 2018 - 2019

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL,  
MENGHANTAR, MEMASANG DAN  
MENGUJI PERALATAN ELEKTRIK  
UNTUK MAKTAB-MAKTAB /  
SEKOLAH-SEKOLAH  
MENENGAH KERAJAAN,  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KP / JSS / UPP / JKSH / SM /  
KERTAS A4 (K1) / 24 / 2018 - 2019

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR KERTAS  
'PHOTOCOPY' / DUPLICATING  
UNTUK PUSAT-PUSAT TINGKATAN  
ENAM / MAKTAB-MAKTAB /  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH  
KERAJAAN (KLUSTER 1)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KP / JSS / UPP / JKSH / SM /

**KERTAS A4 (K2) / 25 / 2018 - 2019**

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR KERTAS  
'PHOTOCOPY' / DUPLICATING  
UNTUK PUSAT-PUSAT TINGKATAN  
ENAM / MAKTAB-MAKTAB /  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH  
KERAJAAN (KLUSTER 2)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KP / JSS / UPP / JKSH / SM /  
KERTAS A4 (K3) / 26 / 2018 - 2019

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR KERTAS  
'PHOTOCOPY' / DUPLICATING  
UNTUK PUSAT-PUSAT TINGKATAN  
ENAM / MAKTAB-MAKTAB /  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH  
KERAJAAN (KLUSTER 3)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KP / JSS / UPP / JKSH / SM /  
KERTAS A4 (K4) / 27 / 2018 - 2019

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR KERTAS  
'PHOTOCOPY' / DUPLICATING  
UNTUK PUSAT-PUSAT TINGKATAN  
ENAM / MAKTAB-MAKTAB /  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH  
KERAJAAN (KLUSTER 4)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KP / JSS / UPP / JKSH / SM /  
KERTAS A4 (K5) / 28 / 2018 - 2019

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR KERTAS  
'PHOTOCOPY' / DUPLICATING  
UNTUK PUSAT-PUSAT TINGKATAN  
ENAM / MAKTAB-MAKTAB /  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH  
KERAJAAN (KLUSTER 5)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KP / JSS / UPP / JKSH / SM /  
KERTAS A4 (K6) / 29 / 2018 - 2019

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR KERTAS  
'PHOTOCOPY' / DUPLICATING  
UNTUK PUSAT-PUSAT TINGKATAN  
ENAM / MAKTAB-MAKTAB /  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH  
KERAJAAN (KLUSTER 6)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KP / JSS / UPP / JKSH / SR /  
PRINTER / 14 / 2018 - 2019

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL,  
MENGHANTAR, MEMASANG DAN  
MENGUJI PERALATAN ELEKTRIK  
UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH  
RENDAH KERAJAAN  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KP / JSS / UPP / JKSH / SR /  
KERTAS A4 (K1) / 15 / 2018 - 2019

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR KERTAS  
'PHOTOCOPY' / DUPLICATING  
UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH  
RENDAH KERAJAAN (KLUSTER 1)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KP / JSS / UPP / JKSH / SR /  
KERTAS A4 (K2) / 16 / 2018 - 2019

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR KERTAS  
'PHOTOCOPY' / DUPLICATING  
UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH  
RENDAH KERAJAAN (KLUSTER 2)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KP / JSS / UPP / JKSH / SR /  
KERTAS A4 (K3) / 17 / 2018 - 2019

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR KERTAS  
'PHOTOCOPY' / DUPLICATING  
UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH  
RENDAH KERAJAAN (KLUSTER 3)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**

KP / JSS / UPP / JKSH / SR /  
KERTAS A4 (K4) / 18 / 2018 - 2019

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR KERTAS  
'PHOTOCOPY' / DUPLICATING  
UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH  
RENDAH KERAJAAN (KLUSTER 4)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KP / JSS / UPP / JKSH / SR /  
KERTAS A4 (K5) / 19 / 2018 - 2019

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR KERTAS  
'PHOTOCOPY' / DUPLICATING  
UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH  
RENDAH KERAJAAN (KLUSTER 5)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KP / JSS / UPP / JKSH / SR /  
KERTAS A4 (K6) / 20 / 2018 - 2019

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL  
DAN MENGHANTAR KERTAS  
'PHOTOCOPY' / DUPLICATING  
UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH  
RENDAH KERAJAAN (KLUSTER 6)  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KP / JSS / UPP / JKSH / SR /  
PHOTOCOPY / 21 / 2018 - 2019

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL,  
MENGHANTAR, MEMASANG DAN  
MENGUJI PERALATAN SEKOLAH  
(ELEKTRIK) UNTUK SEKOLAH-  
SEKOLAH RENDAH KERAJAAN,  
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BAYARAN YURAN /  
DOKUMEN BAGI SETIAP**

**SEBUT HARGA :**  
BND5.00  
[bayaran dokumen setiap sebut harga  
tidak dikembalikan]

**Tarikh dibukakan :**  
27 Februari 2019

**Tarikh tutup :**  
6 Mac 2019  
[tidak lewat jam 2.00 Petang]



**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

SYARAT-syarat untuk mengikuti tawaran kerja sebut harga adalah seperti berikut :

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Sebahagian tawaran hendaklah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, menurut kelas-kelas dan kategori-kategori tertentu di Negara Brunei Darussalam sahaja, sepertimana yang dinyatakan di dalam iklan tawaran.

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang tercetak oleh kementerian ini dan penerangan lanjut bagi mengikuti sebut harga bolehlah datang terus ke Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Blok 'A', Bangunan Perdagangan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Kota Batu, BD1517, Negara Brunei Darussalam.

3. Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

**BIL. TAWARAN :**  
KHEU / BDP/ 164 / 355 / 2018

**TAJUK :**  
MEMBEKALKAN BAGI SATU TANDA KUBUR UNTUK KEPERLUAN TANAH  
PERKUBURAN ISLAM TERUNJING, LAMBAK KIRI, DAERAH BRUNEI-MUARA,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TARIKH TUTUP :**  
RABU, 24 APRIL 2019  
2.00 PETANG

**KELAS I & II DALAM  
KATEGORI B 01 SAHAJA**

**YURAN TAWARAN :**  
(TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)


**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

SYARAT-syarat untuk mengikuti tawaran kerja sebut harga adalah seperti berikut :

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Sebahagian tawaran hendaklah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, menurut kelas-kelas dan kategori-kategori tertentu di Negara Brunei Darussalam sahaja, sepertimana yang dinyatakan di dalam iklan tawaran.

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang tercetak oleh kementerian ini dan penerangan lanjut bagi mengikuti sebut harga bolehlah datang terus ke **Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Blok 'A', Bangunan Perdagangan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Kota Batu, BD1517, Negara Brunei Darussalam.**

3. Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

**BIL. TAWARAN :**  
KHEU / BDP/ 164 / 351 / 2018

**TAJUK :**  
**REPAIR AND REPAINTING WORKS TO BALAI IBADAT KAMPONG SEMABAT, DAERAH TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH TUTUP :**  
**RABU, 27 MAC 2019**  
**2.00 PETANG**

**KELAS I & II DALAM**  
**KATEGORI B 01 SAHAJA**

**YURAN TAWARAN :**  
**(TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)**


**KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN**
**INVITATION FOR EXPRESSION OF INTEREST (EOI) FOR PUSAT PEMBANGUNAN KAPASITI (PPK)**

PUSAT Pembangunan Kapasiti (Capacity Building Center), a skills training center under the Ministry of Energy, Manpower and Industry, started operations in September 2017 when it launched 13 programs for Construction and Oil and Gas industry manpower requirements. Since then, PPK has trained and deployed more than a thousand local workers and continues to develop new skills programs for local jobseekers.

This EOI intends to invite interest from registered training organizations or companies to deliver the following programs :

1. Electrician Training
2. Electrician Trade Testing
3. Work Attitude and Performance

The application forms and further details can be obtained from our website at [www.memi.gov.bn](http://www.memi.gov.bn). For further enquires, we can be contacted at +673 8268087. The Expression of Interest should reach us not later than 9.00 Am on Saturday, 16th March 2019 via e-mail to : [quotation@memi.gov.bn](mailto:quotation@memi.gov.bn)


**JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**NOTIS SEBUT HARGA**

**NO. SEBUT HARGA :**  
**RTB / K / 75 / 18 - 19**  
**RTB OVER-THE-TOP (OTT)**  
**SERVICE PILOT PROJECT**

**Bayaran Tawaran :**  
**BND5.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :**  
**Rabu, 20 Mac 2019**  
**jam 2.00 Petang**

1. SEBUT Harga ini adalah dipelawa kepada semua pemborong dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari **Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB** dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.

4. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang

tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :

**Kepada :**  
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**  
**Jabatan Radio Televisyen Brunei**  
**Jalan Stoney**  
**Bandar Seri Begawan, BB8610**  
**Negara Brunei Darussalam.**

**Rujukan :**  
**RTB / K / 75 / 18 - 19**

**Tarikh Tutup :**  
**20 Mac 2019**

5. Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui e-mel ke [sebutharga.rtb@rtb.gov.bn](mailto:sebutharga.rtb@rtb.gov.bn) tidak lewat jam 2.00 Petang (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

6. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (*Payee : Government of Brunei*).

Para penender yang berhasrat mengikuti tawaran ini adalah disaran untuk merujuk maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.


**JABATAN DAERAH TEMBURONG**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**
**MAKLUMAT MENGENAI RUANG**  
**UNTUK DITAWARKAN KEPADA**  
**PENGUSAHA-PENGUSAHA**
**Kompleks Perniagaan Bumiputra**  
**Daerah Temburong**

**1. Ruang No. B 1, Tingkat 1**  
**Keluasan : 57m2**

\*Kadar Sewa bulanan : BND100.00  
\*Wang Pendahuluan : BND300.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**2. Ruang No. B 12, Tingkat 1**  
**Keluasan: 57m2**

\*Kadar Sewa bulanan : BND100.00  
\*Wang Pendahuluan : BND300.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**3. Ruang No. C 2, Tingkat 2**  
**Keluasan: 57m2**

\*Kadar Sewa bulanan : BND80.00  
\*Wang Pendahuluan : BND240.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**4. Ruang No. C 4, Tingkat 2**  
**Keluasan: 57m2**

\*Kadar Sewa bulanan : BND80.00  
\*Wang Pendahuluan : BND240.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**5. Ruang No. C6, Tingkat 2**  
**Keluasan: 57m2**

\*Kadar Sewa bulanan : BND80.00  
\*Wang Pendahuluan : BND240.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**MAKLUMAT MENGENAI RUANG**  
**UNTUK DITAWARKAN KEPADA**  
**PENGUSAHA-PENGUSAHA**
**Kompleks Utama Bumiputra**  
**Daerah Temburong**

**6. Ruang No. B 1-2, Tingkat 1 [Block B]**  
**Keluasan: 7.5 m2**

\*Kadar Sewa bulanan : BND30.00  
\*Wang Pendahuluan : BND90.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**7. Ruang No. B1-4, Tingkat 1 [Block B]**  
**Keluasan: 7.5 m2**

\*Kadar Sewa bulanan : BND30.00  
\*Wang Pendahuluan : BND90.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**8. Ruang No. B1-6, Tingkat 1 [Block B]**  
**Keluasan: 7.5 m2**

\*Kadar Sewa bulanan : BND30.00  
\*Wang Pendahuluan : BND90.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**9. Ruang No. B1-9, Tingkat 1 [Block B]**  
**Keluasan: 7.5 m2**

\*Kadar Sewa bulanan : BND30.00  
\*Wang Pendahuluan : BND90.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**10. Ruang No. B1-10, Tingkat 1 [Block B]**  
**Keluasan: 7.5 m2**

\*Kadar Sewa bulanan : BND30.00  
\*Wang Pendahuluan : BND90.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**MAKLUMAT MENGENAI RUANG**  
**UNTUK DITAWARKAN KEPADA**  
**PENGUSAHA-PENGUSAHA**
**Kompleks Utama Bumiputra**  
**Daerah Temburong**

**11. Ruang No. B 1- 14,**  
**Keluasan: 15 m2**

\*Kadar Sewa bulanan : BND 40.00  
\*Wang Pendahuluan : BND120.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**12. Ruang No. B1-15**  
**Keluasan: 15 m2**

\*Kadar Sewa bulanan : BND 40.00  
\*Wang Pendahuluan : BND120.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**13. Ruang No. B1-16**  
**Keluasan: 12.5 m2**

\*Kadar Sewa bulanan : BND40.00  
\*Wang Pendahuluan : BND120.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**14. Ruang No. C 1-3**  
**Keluasan: 18.9 m2**

\*Kadar Sewa bulanan : BND70.00  
\*Wang Pendahuluan : BND210.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**MAKLUMAT MENGENAI RUANG**  
**UNTUK DITAWARKAN KEPADA**  
**PENGUSAHA-PENGUSAHA**
**GERAI MAKAN DAN MINUM**  
**BANGUNAN PASAR**

**15. Ruang No. 7, Tingkat 1**

\*Kadar Sewa bulanan : BND25.00  
\*Wang Pendahuluan : BND75.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**BANGUNAN PASAR**  
**DAERAH TEMBURONG**

**16. Bangku No. 11 [DAGING]**

\*Kadar Sewa bulanan : BND15.00  
\*Wang Pendahuluan : BND45.00  
[untuk 3 bulan]

**TAMU ANEKA**  
**DAERAH TEMBURONG**

**17. Bangku No. 24 [SAYUR]**

\*Kadar Sewa bulanan : BND10.00  
\*Wang Pendahuluan : BND30.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**18. Bangku No. 26 [SAYUR]**

\*Kadar Sewa bulanan : BND10.00  
\*Wang Pendahuluan : BND30.00  
[untuk tiga (3) bulan]

**19. Bangku No. 27 [SAYUR]**

\*Kadar Sewa bulanan : BND10.00  
\*Wang Pendahuluan : BND30.00  
[untuk tiga (3) bulan]

BORANG permohonan boleh diperoleh di Kaunter Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan dan hendaklah dikembalikan dengan dokumen-dokumen lengkap sebelum tarikh iklan berakhir.

**Tarikh iklan :**  
**2 Mac hingga 1 April 2019**

Sebarang pertanyaan bolehlah merujuk kepada **Pegawai Melesen, Jabatan Daerah Temburong, Awang Muhammad Arif bin Morni** di talian +673 8371724.



# Khatam Al-Quran KKBS sempena HK35

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Februari. - Dalam sama-sama menyemarakkan semangat dan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 (HK35), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, di Dewan Digadong, Bangunan KKBS.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Ibrahim, ayat 34 hingga 36 dan Surah Saba, ayat 15 yang dibacakan oleh Pegawai Penempatan program I-Ready di Jabatan Pembangunan Masyarakat, Awang Ayadey Hazawallah bin Haji Md. Zain,

sementara tafsir ayat dibacakan oleh Pegawai Pentadbir, Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Awang Muhammad Ihsan Sabri bin Haji Abdul Manap.

Majlis disusuli dengan Majlis Khatam Al-Quran dan Dikir Marhaban, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan Takhtim yang dikepalai oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Bacaan Doa Takhtim diketuai oleh Penyelidik dan Penterjemah Khusus, Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Abdul Kadir bin Haji Mohammad, diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara oleh Tenaga Pengajar Al-Quran, JBS, Awang Abdul Halim bin Haji Fuad.

Majlis tersebut dihasratkan untuk memupuk rasa cinta kepada Al-Quran dan menghidupkan budaya celik Al-Quran, sekali gus memanjatkan rasa syukur atas nikmat mengecapi keamanan dan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (empat, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran dalam sama-sama menyemarakkan semangat dan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

kesejahteraan, di sepanjang 35 tahun kemerdekaan.

Juga hadir, Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji

Abdul Jalil; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KKBS juga jabatan-jabatan di bawahnya, penuntut-penuntut Pusat Bahagia,

Pusat Pembangunan Belia, Alumni Program Khidmat Bakti Negara, Kumpulan Meraih Berkah dan Persatuan Belia Lumapas (PERLU).

## Empat Pemimpin Pengakap sertai kursus Penilaian Penilai Anugerah Baden Powell

Berita dan Foto :  
Ihsan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam



PARA peserta dari Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) yang menyertai Kursus Penilaian Penilai Anugerah Baden Powell (Baden Powell Award Evaluators Course) selama tiga hari anjuran Pasukan Latihan Negara, Persekutuan Pengakap Malaysia ketika bergambar bersama Pengarah Kursus, Mohd. Khir bin Muda (tengah).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 27 Februari. - Pergerakan sesebuah pertubuhan organisasi belia sangat bergantung kepada perkembangan dan penglibatan secara menyeluruh oleh orang-orang dewasa sebagai penerajunya.

Dengan struktur pengurusan pentadbiran dan sistem latihan yang stabil juga kepelbagaian kegiatan yang terancang dan bersistematik boleh menarik penyertaan lebih ramai anak-anak muda untuk menyertainya. Kecemerlangan kepimpinan dan kepelbagaian latihan bakal mencorakkan hala tuju yang lebih efisien bagi sesebuah organisasinya.

Salah satu bahagian terpenting dalam pergerakan Pengakap Sedunia adalah Bahagian Pengakap Kelana, yang mana keahliannya terdiri daripada belia-belia yang berumur di antara 18 hingga 26 tahun.

Pelbagai latihan Pengakap yang meliputi kemahiran dan kepimpinan boleh diajarkan kepada Ahli-ahli Pengakap Kelana dengan hasrat mereka benar-benar mencapai darjah kemahiran dalam ilmu berpengakap.

Justeru itu, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) menghantar seramai empat orang Pemimpin Pengakap, iaitu Awang Junaidi bin Haji Hussin; Pesuruhjaya Program Belia, Awang Mohammad Sharin bin Haji Suhaili; Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Belait - Latihan dan Pemimpin Pengakap Terlatih, Awang Rakob bin Nasir bersama Pegawai Eksekutif merangkap Setiausaha Majlis Pasukan Latihan Pengakap Kebangsaan, Awang Zainudin bin Haji Ishak, sebagai Jurulatih Jemputan bagi menyertai Kursus Penilaian Penilai Anugerah Baden Powell (Baden Powell Award Evaluators Course) selama tiga hari anjuran Pasukan Latihan Negara, Persekutuan Pengakap Malaysia, bertempat di Asrama Pusat Putera, Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Utara, Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim, Malaysia bermula 22 hingga 24 Februari lalu.

Bengkel turut dihadiri oleh lebih 80 Pesuruhjaya Pengakap dan Pemimpin Pengakap dari seluruh negeri di Malaysia, bertujuan untuk memastikan prosedur latihan yang lebih dikemaskinikan dan diterima pakai dalam menguruskan perkembangan dan penglibatan Pengakap Kelana dalam pergerakan Pengakap di setiap negara.

Di samping itu, para peserta berkongsi pengalaman yang berkesan dengan sistem latihan yang dijalankan untuk memantau keberkesanan pelaksanaannya dan cabarannya.

Anugerah Baden Powell merupakan anugerah tertinggi yang diberikan kepada Ahli Pengakap Kelana setelah mengikuti latihan dalam Skim Latihan Pengakap Kelana.

Bagi melahirkan Penerima Anugerah Baden Powell, Ahli Pengakap Kelana perlu mengikuti Ujian Penilaian Anugerah Baden Powell yang dikendalikan oleh Lembaga Penilaian Anugerah Baden Powell Negeri, yang mana bakal Penerima Anugerah Baden Powell akan dinilai dan diuji oleh Penilai Anugerah Baden Powell yang dilatih dan berpengalaman dalam ilmu kepengakapan juga secara tidak langsung akan dapat melengkapkan bakal penilai dan penilai sedia ada dengan *syllabus* dan ujian Penilaian Anugerah Baden Powell dengan lebih baik, seragam juga berkesan.

Tujuan bengkel itu untuk memberikan pengetahuan dan penjelasan tentang sistem pengujian yang betul kepada Penilai Anugerah Baden Powell. Melahirkan Penilai Anugerah Baden Powell yang berpengetahuan dan mengetahui akan kaedah standard Pengujian Penilaian Anugerah Baden Powell, di samping mewujudkan kumpulan Penilai Anugerah Baden Powell yang boleh mengurus penilaian dengan cara yang betul dan berkesan.

Antara latihan yang dijalankan semasa kursus berkenaan ialah para peserta kursus diberikan penerangan mengenai etika sebagai seorang Penilai Anugerah Baden Powell, prosedur penganjuran ujian penilaian, mengetahui lapan komponen modul ujian penilaian juga ujian kemahiran Pengakap, iaitu ikatan dan simpulan, personaliti, kenegaraan, pengucapan awam, pengurusan acara, perkhidmatan juga latihan kawad kaki dan kawad tongkat.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Kursus, Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Johor Darul Ta'zim, Haji Yaacob bin Haji A. Karim. Turut hadir Pengarah Kursus, Mohd. Khir bin Muda, Jurulatih - jurulatih Pengakap dan pembimbing - pembimbing kursus.

## MINDA PEMBACA

**Menangi BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Memperkasakan Pembelajaran Al-Quran'. Tarikh Tutup : 6 Mac 2019
2. 'Pertahankan Permainan Tradisi Masyarakat Brunei'. Tarikh Tutup : 13 Mac 2019
3. 'Melestarikan Budaya Membaca'. Tarikh Tutup : 20 Mac 2019

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Penerangan, Minda Pembaca,**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB3510,  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)



# Mengeratkan silaturahmi

itu, agama Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga hubungan silaturahmi. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :**

*"Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam baginda bersabda : Barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia memuliakan tamunya, dan barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia menyambung tali silaturahmi, dan barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia berkata baik atau diam."*

Imam Al Shafie Rahimahullallahu Ta'ala berkata bahawa barang siapa yang menjalin ukhuwah persaudaraan dan menghidupkan silaturahmi, maka ia akan memperoleh 10 keutamaan :

**Pertama :** Mendapat keredaan Allah Subhanhu Wata'ala kerana Allah Subhanhu Wata'ala dan penduduk di langit amat suka kepada orang yang menghubungkan ukhuwah persaudaraan.

**Kedua :** Mengembirakan para malaikat di langit kerana mereka amat suka kepada orang yang menghubungkan ukhuwah persaudaraan.

**Ketiga :** Dapat menambahkan pahala amalnya setelah dia meninggal dunia kelak.

**Keempat :** Dapat menambah dan menimbulkan rasa kasih sayang dalam pergaulan seharian.

**Kelima :** Dapat menambah dan menimbulkan keberkatan kepada rezeki.

**Keenam :** Allah Subhanhu Wata'ala melanjutkan usianya.

**Ketujuh :** Menjadikan iblis dan syaitan bertambah gelisah dan sakit hati.

**Kelapan :** Disegani dan dihormati oleh masyarakat yang berada di sekelilingnya.

**Kesembilan :** Dapat mengembirakan orang yang berada di alam barzakh.

**Kesepuluh :** Dapat menzahirkan kegembiraan kepada kedua belah pihak kerana tiada amalan yang lebih baik melainkan mengembirakan hati orang-orang yang beriman.

Dalam membina dan menjaga hubungan silaturahmi, ada beberapa cara yang boleh kita lakukan antaranya seperti sering memberi dan menjawab salam atau bertegur sapa, menghadiri undangan atau jemputan, menghulurkan bantuan dan pertolongan, sama ada dengan tenaga atau wang ringgit, kunjung-mengunjungi di antara satu sama lain, menziarahi ketika ia sakit dan menghadiri pengebumian jenazah.

Pada masa kini, penggunaan media baharu seperti Facebook, WhatsApp, Telegram dan lain-lain adalah sangat digemari dan menjadi kemudahan untuk berhubung dan berkomunikasi. Penggunaan kemudahan-kemudahan tersebut bolehlah dimanfaatkan oleh kita semua dengan sebaik-baiknya

terutama dalam mengeratkan hubungan silaturahmi. Dengan yang demikian, hubungan yang jauh menjadi semakin dekat, yang renggang menjadi rapat. Kita ada membaca dan melihat di media baharu dan media massa bahawa terdapat golongan yang hidup susah dan serba kekurangan sedangkan mereka masih mempunyai kaum keluarga yang berkemampuan untuk menjaga dan membantu mereka. Maka di sinilah peranan kita untuk mempereratkan dan memperkukuh hubungan silaturahmi kita dengan membantu mereka, sama ada keluarga, jiran tetangga atau sahabat yang memerlukan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :**

*"Daripada 'Aisyah Radiallahuanha isteri Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam baginda bersabda : Silaturahmi adalah daun pohon yang rendang barang siapa menyambunginya, maka aku akan menyambunginya dan barangsiapa memutuskannya, maka aku pun akan memutuskannya."*

Pada kelazimannya, hubungan silaturahmi itu terputus berpunca daripada beberapa sebab, antaranya rasa tidak puas hati, sifat dendam, sombong, mementingkan diri sendiri, hutang-piutang, hasutan, fitnah, hasad dengki, iri hati dan lain-lain lagi. Namun antara yang sering menjadi sebab hubungan silaturahmi itu menjadi renggang ialah pertengkaran atau perselisihan yang disebabkan oleh harta. Ingatlah harta itu hanyalah perhiasan di dunia dan adalah lebih elok jika kita menumpukan perhatian kepada kebahagiaan akhirat yang kekal abadi sebagai jalan untuk mendekati diri dan mendapatkan keredaan Allah Subhanhu Wata'ala.

Sesungguhnya hubungan silaturahmi itu juga boleh terputus disebabkan perkelahian di antara sanak saudara, anak-beranak, adik-beradik rakan atau jiran tetangga, di mana kedua-dua pihak saling menyalahkan di antara satu sama lain, lebih-lebih lagi jika kedua-duanya tidak mempunyai kesabaran, tidak bersikap terbuka dan tidak mahu bertolak-ansur serta tidak mahu mengalah untuk memohon kemaafan sehingga ada yang

sanggup melakukan perbuatan syirik, keji dan terkutuk seperti sihir untuk menyakiti orang yang dibencinya. *Nauzubillahi min zalik.*

Oleh itu, sama-samalah kita beringat, tanggungjawab untuk membina semula hubungan silaturahmi yang terputus itu bukan hanya terletak kepada pihak yang bermusuhan sahaja, akan tetapi kaum keluarga sanak saudara atau kawan-kawan juga memainkan peranan yang sangat penting selaku orang tengah dalam mendamaikan dan menyumbangkan semula hubungan silaturahmi itu. Selain itu, jika ada pertelingkahan yang amat berat di antara keluarga, maka eloklah meminta nasihat dan pandangan daripada ahlinya dan pihak yang bertanggungjawab. Janganlah disebabkan masalah kecil dan remeh-temah, hubungan keluarga menjadi renggang atau retak. Kerengangan ini boleh menimbulkan ketegangan yang menyebabkan mereka bermasam muka, saling bermusuhan, benci-membenci dan akhirnya boleh menyebabkan berlakunya perkara yang tidak diingini yang boleh menghancurkan hidup berkeluarga dan bermasyarakat.

Oleh itu, sentiasalah kita berbuat baik kepada sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa ataupun agama, bergaulah dengan akhlak yang mulia lagi terperinci, bersabarlah terhadap perbuatan yang menyakitkan atau ujian yang menimpa. Sama-samalah kita berdoa : *"Ya Allah, lancarkanlah urusan kamu pada hari ini, indahkanlah ia dengan silaturahmi yang baik dan limpahkan kami dengan rezeki yang berkat. Ya Allah, jika hari ini ada antara kami yang berasa disakiti dan dizalimi kerana kesalahan serta kesilapan kami yang disenghajakan ataupun yang tidak disenghajakan, maka bukalah pintu hati mereka agar memaafkan segala kesalahan dan kesilapan kami. Aamiin Yaa Rabbal Alamin"*.

Firman Allah Subhanhu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 10 :

**Tafsirnya :**

*"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu yang tertelingkah itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."*

**"WAHAI manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam Alaihissalam), Dia (Allah) menciptakan dan daripada pasangannya Hawa, Dia (Allah) mengembangbiakkan daripada kedua-duanya zuriat keturunan laki-laki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan nama-Nya kamu saling meminta serta peliharalah hubungan silaturahmi kaum kerabat. Sesungguhnya Allah adalah Maha mengawasi (memerhati) kamu."**

**MARILAH** kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sama-sama mengukuhkan iman dan ketakwaan kepada-Nya dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Hanya berbekalkan iman, takwa dan bertawakal kepada-Nya sahajalah, kita pasti selamat di dunia dan selamat di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus memantapkan dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita sehingga ke akhir hayat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa, ayat 1 :

**Tafsirnya :**

*"Wahai manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam Alaihissalam), Dia (Allah) menciptakan dan daripada pasangannya Hawa, Dia (Allah) mengembangbiakkan daripada kedua-duanya zuriat keturunan laki-laki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan nama-Nya kamu saling meminta serta peliharalah hubungan silaturahmi kaum kerabat. Sesungguhnya Allah adalah Maha mengawasi (memerhati) kamu."*

Ayat Al-Quran tadi menjelaskan betapa pentingnya kita mengeratkan hubungan silaturahmi dalam kehidupan dan keutamaan dalam mengeratkan hubungan silaturahmi itu adalah kepada kaum kerabat ataupun yang ada hubungan kekeluargaan. Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyatakan bahawa orang yang memutuskan hubungan silaturahmi itu tidak akan masuk syurga. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Jubair bin Mut'im, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : **Maksudnya :** *"Tidak akan masuk syurga orang yang memutuskan silaturahmi."*

Silaturahmi ialah jalinan atau ikatan hubungan yang dibina secara bersama-sama di antara sesama keluarga, kaum kerabat, jiran tetangga dan sahabat handai. Adapun mengeratkan hubungan silaturahmi itu adalah dengan berbuat baik kepada sesama manusia, memberi pertolongan jika mereka memerlukan, bersikap lemah lembut, nasihat menasihati dan menjaga perasaan mereka. Ketahuilah kesempurnaan dan kemantapan iman seseorang bukan hanya setakat beriman dengan rukun iman yang enam sahaja, bahkan menghubungkan silaturahmi juga adalah antara cabang-cabang iman. Oleh

yang berada di Kaherah, Republik Arab Mesir berada dalam keadaan selamat dan tidak terlibat dengan insiden berkenaan.

Orang ramai yang ingin, mendapatkan keterangan atau rujukan mengenai apa jua maklumat yang diperlukan

mengenai pelajar negara ini yang berada di Republik tersebut bolehlah berhubung terus ke Bahagian Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tingkat 14, Blok 2J, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

Darussalam, BA1131 atau menghubungi melalui talian +673 2231064 semasa waktu pejabat.

Marilah kita sama-sama berdoa semoga kesemua pelajar dan

rakyat Negara Brunei Darussalam yang berada di Republik Arab Mesir sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan dijauhi dari segala perkara yang tidak diingini.

## Rakyat, pelajar Brunei di Kaherah selamat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 1 Mac. - Berikutan insiden perlanggaran kereta api di Stesen Kereta Api Ramses di Kaherah, Republik Arab Mesir pada Rabu, 27 Februari 2019, Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan bahawa kesemua pelajar Negara Brunei Darussalam

# Pendidikan agama, duniawi perlu untuk generasi berwawasan



**YANG** Dimulikan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah (empat, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Agama bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 yang diadakan di Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam. Turut hadir selaku tetamu khas ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang (tiga, kiri).

**TUNGKU LINK**, Khamis, 28 Februari. - Generasi berwawasan perlu mempunyai pendidikan agama dan pendidikan duniawi bagi mengimbangi keperluan semasa dalam menjayakan wawasan negara. Perkara tersebut merupakan antara inti pati yang dihuraiakan



**Berita dan Foto :**  
Mohamad Azmi Awang Damit

dalam Forum Agama yang diadakan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019.

"Dalam menjadi generasi berwawasan yang akan menjayakan wawasan negara, kita sebagai rakyat di negara ini perlu menjaga hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengerjakan apa yang diperintahkan-Nya dan menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang dilarang-Nya," jelas Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar selaku ahli forum yang berlangsung di Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam.

Tambahnya, generasi berwawasan perlu berlandaskan kepada Al-Quran dan Al-Hadis agar segala pekerjaan atau perkara yang dilakukan ke arah menjayakan wawasan itu mendapat keberkatan dan kejayaan.

Manakala ahli panel yang kedua, Profesor Madya Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid pula menjelaskan bahawa terdapat tiga elemen penting dalam membentuk generasi berwawasan, iaitu mempunyai niat yang baik, akal dan potensi diri.

Menurutnya ketiga-tiga aspek ini perlu dalam membentuk jati diri individu dengan berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja yang akan mampu membentuk generasi yang kuat untuk menempuh apa jua cabaran yang mendatang.

Jelasnya lagi, generasi berwawasan adalah generasi yang suka bekerja tanpa mengira penat lelah dalam memajukan negara sepertimana yang selalu disebut-sebut, iaitu *bajarih, bakarih dan balurih*.

Hadir selaku tetamu kehormat pada forum tersebut ialah Yang Dimulikan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Turut hadir selaku tetamu khas ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Forum Agama berkenaan dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Universiti tersebut.

**AHLI-AHLI** panel terdiri daripada Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar (tengah) dan Profesor Madya Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid (kanan).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

## Memohon perlindungan keselamatan jalan raya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 28 Februari. - Bagi memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya Negara Brunei Darussalam terutamanya pengguna-pengguna jalan raya sentiasa diberikan perlindungan dari kemalangan dan perkara-perkara yang tidak diingini, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam (MKKJR) hari ini telah mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Ratib Al-Attas bertempat di Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lambak Kiri.

Hadir pada majlis tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan, Penyelidikan dan Perkembangan) selaku Setiausaha MKKJR, Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud dan Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi, Cybersecurity, Strategi dan Korporat), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim.

Majlis turut dihadiri oleh Pengerusi Persatuan Insurans dan Takaful (BITA) selaku Ambassador MKKJR, Awang Haji Osman bin Haji Md Jair; Ahli-ahli

MKKJR; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi juga agensi-agensinya yang berkenaan serta guru-guru dan seramai 240 pelajar dari Sekolah Ugama Dato Othman, STKRJ Kampung Lambak Kiri.

Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Ratib Al-Attas tersebut merupakan acara bulanan MKKJR sebagai usaha berterusan MKKJR dalam memohon berkat dalam segala usaha-usaha dan perancangannya ke arah meningkatkan keselamatan jalan raya demi kesejahteraan semua.

Dalam kesempatan ini, MKKJR terus menyeru kepada semua pengguna jalan raya untuk memulakan setiap perjalanan dengan doa, disamping meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika memandu di jalan raya serta mengamalkan sikap pemanduan yang berhemah.

Pemandu-pemandu juga terus diseru untuk sentiasa mementingkan keselamatan serta mengamalkan pemakaian tali pinggang keledar, tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu dan sentiasa



**TIMBALAN** Setiausaha Tetap (Pengangkutan, Penyelidikan dan Perkembangan) selaku Setiausaha MKKJR, Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud dan Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi, Cybersecurity, Strategi dan Korporat), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah di Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lambak Kiri.

mematuhi had laju yang ditetapkan juga tanda-tanda isyarat lalu lintas

yang dipamerkan demi menjaga keselamatan bersama dan bagi

mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

# 24 sertai Musabaqah Membaca Al-Quran



**TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang (kiri) hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada penerima.**

**KUALA BELAIT**, Rabu, 27 Februari. - Seramai 24 peserta yang terdiri daripada 12 qari dan 12 qariah, berumur 40 tahun ke atas menyertai Musabaqah Membaca Al-Quran bagi masjid, surau dan balai ibadah seluruh negara anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Pertandingan buat julung kali

tersebut diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat pertandingan, seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang. Pertandingan diungkuayahkan

bertujuan untuk mendukung hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir, sekali gus menjadikan rakyatnya celik Al-Quran dan menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah kepada masyarakat umum, di samping mencungkil bakat para peserta dalam seni pembacaan Al-Quran secara berlagu.

Sehubungan itu, Pelita Brunei juga berkesempatan menemu bual juara qari, Awang Haji Sudirman bin Haji Metusin, 41, yang memperoleh 86 peratus, melahirkan rasa gembira atas kejayaan beliau buat kali pertama setelah mempelajari dan mendalami Al-Quran sejak berusia 11 tahun.

Beliau bertugas sebagai Bilal Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

berhasrat untuk mendalami lagi bidang pembacaan Al-Quran dan berharap agar anak-anak beliau juga mengikuti jejak langkahnya dalam mendalami pembacaan Al-Quran.

Beliau mendapat galakan penuh daripada ayahnya, Awang Haji Metusin bin Haji Jamaluddin dan dorongan daripada keluarga juga adik-beradik beliau seramai 15 orang.

Pertandingan antara lain

bertujuan meningkatkan lagi kualiti pembacaan para peserta ke tahap yang terbaik. Melalui pertandingan ini juga dihasrat dapat memupuk semangat suka membaca Al-Quran dalam kalangan peserta dan diharap ia akan menjadi amalan seharian mereka, seterusnya menghayati isi kandungan Al-Quran agar dapat disemai dalam kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara.



**JUARA qari, Awang Haji Sudirman bin Haji Metusin, 41, yang memperoleh 86 peratus semasa memperdengarkan bacaan.**

## Suntik semangat perpaduan ASEAN kalangan penuntut



**TIMBALAN Pengetua Pentadbiran Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), Awang Haji Ismail bin Haji Ibrahim (kiri) ketika menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang Kuiz ASEAN.**

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI telah mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI).

Program tersebut adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, dalam masa yang sama juga mengukuhkan hubungan di antara

Jabatan Penerangan dengan masyarakat, khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Pengetua Pentadbiran STPRI, Awang Haji Ismail bin Haji Ibrahim.

Program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Tema ASEAN.

Program diteruskan dengan taklimat 'Kenali ASEAN' yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

Taklimat yang dihadiri seramai 496 penuntut sekolah dan tenaga pengajar itu diteruskan dengan tayangan klip video mengenai ASEAN, diikuti dengan sesi kuiz ASEAN yang dikendalikan oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Jorrani binti Haji Zainal.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah Kuiz ASEAN kepada 10 orang penuntut dan sesi bergambar ramai.

## Lantikan AJK Takmir Masjid Kampung Labu Estate baharu



**PEGAWAI Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong, Awang Elde bin Haji Suhaile (dua, kanan) menyampaikan sijil pada Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Ahli Jawatankuasa (AJK) 2016 - 2018 dan Penyampaian Sijil Lantikan AJK 2019 - 2020 bagi Takmir Masjid Kampung Labu Estate, Daerah Temburong.**

Berita dan Foto : Ihsan Takmir Masjid Kampung Labu Estate

**TEMBURONG**, Rabu, 27 Februari. - Takmir Masjid Kampung Labu Estate, Daerah Temburong telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Ahli Jawatankuasa (AJK) 2016 - 2018 dan Penyampaian Sijil Lantikan AJK 2019 - 2020 bagi Takmir masjid tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan dan lantikan ialah Pegawai Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong, Awang Elde bin Haji Suhaile.

Turut hadir, Penghulu Mukim Labu, Awang Haji Abdurahman

bin Haji Nasir; Ketua Kampung Labu Estate, Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir; Ketua Kampung Senukoh, Awang Yusof bin Haji Maidin; dan Pengerusi Masjid Kampung Labu Estate, Awang Haji Mohd. Sallehuddin bin Haji Suhaimi.

Majlis bertujuan untuk menghargai sumbangan dan jasa AJK Takmir Masjid Sesi 2016 - 2018 serta menyerahkan mandat lantikan kepada AJK Takmir Masjid Sesi 2019 - 2020 yang baharu agar mengendalikan program-program tertentu sepanjang tempoh lantikan yang akan datang.



**PENUNTUT-PENUNTUT semasa menyanyikan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Lagu Tema ASEAN.**



## Apa Pendapat Biskita?

### Kebaikan dan keburukan telefon bimbit dalam kalangan pelajar

**T**ELEFON bimbit adalah sejenis alat yang mesti dimiliki oleh setiap individu. Ia banyak memberi manfaat kepada kita manusia dalam pelbagai perkara dan selaras dengan era zaman moden pada masa kini, walaupun begitu, penggunaan telefon bimbit ada kebaikan dan keburukannya juga.

Kebaikan penggunaan telefon bimbit ialah ia memudahkan manusia untuk berhubung secara talian. Bagi para pelajar pula, melalui kemudahan berkomunikasi ini, ia memberikan mereka ruang untuk berbincang mengenai perkara sekolah secara talian melalui aplikasi-aplikasi tertentu seperti WhatsApp. Contohnya mereka boleh berbincang tentang kerja rumah yang diberikan oleh guru mereka, mengingatkan tentang peperiksaan, berbincang tentang tugas yang diberikan oleh guru mereka dan sebagainya.

Selain itu juga, telefon bimbit juga memudahkan para pelajar untuk melaksanakan tugas projek mereka, di mana mereka boleh, mencari bahan-bahan berkaitan seperti gambar, info maklumat juga mengenai projek yang mereka kaji. Kesemua ini secara tidak langsung mengisi minda pelajar dengan pelbagai maklumat baharu yang tidak mungkin diperoleh daripada buku teks sekolah.

"Tidak menjadi kesalahan bagi saya jika para pelajar tersebut mempunyai telefon bimbit mereka asalkan ia dapat digunakan ke arah yang bermanfaat dan juga di saat-saat yang memerlukan misalnya jika ada kecemasan berlaku seperti kurang sihat, di mana pelajar berkenaan boleh menghubungi ibu bapa atau penjaga mereka untuk datang ke sekolah mengambil mereka. Manakala dari segi pelajaran pula, ia mampu dan dapat membantu pelajar berkenaan untuk mendapatkan beberapa maklumat yang mungkin tidak dapat diperoleh di dalam buku teks mereka, misalnya bagi mata pelajaran sejarah, di mana mereka atau pelajar berkenaan boleh menunjukkan gambar-gambar peninggalan sejarah dan penceritaannya untuk dimuatkan dalam penulisan projek mereka." - Aisah binti Ali, SM Berakas.

"Mungkin penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar juga diperlukan dari segi komunikasi, tetapi ia juga mempunyai keburukannya tersendiri, di mana penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar ialah pelajar mudah terlalai bermain telefon bimbit, kelalaian sebegini boleh menyebabkan mereka lupa untuk membuat ulang kaji di rumah atau menyiapkan kerja rumah, ini kerana telefon bimbit dapat memuat naik aplikasi permainan yang mengasyikkan yang apabila ia dimainkan, ia memakan masa lapang pelajar berjam-jam lamanya, antara contoh permainannya ialah Clash Royale, COC dan sebagainya, dan melalui telefon bimbit juga para pelajar mudah terdedah kepada bahan-bahan negatif yang ada di laman-laman internet, yang mana ia boleh mempengaruhi dan merosakkan ahlak pelajar tersebut." - Md. Arshad, Kilanas.

"Bagi pendapat saya, penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar seharusnya dikawal dari segi memuat turun aplikasi yang dikehendaki. Ini kerana dengan menggunakan telefon bimbit ini juga memudahkan untuk mereka memperoleh sesuatu atau bahan yang berbahaya dan boleh merosakkan ahlak mereka sebagai seorang pelajar, antaranya seperti mudah terdedah dengan bahan-bahan seperti video-video pornografi, gambar-gambar yang tidak senonoh, malahan juga bertentangan dengan ajaran agama Islam dan hal ini dikhuatiri mempengaruhi keperibadian seseorang pelajar tersebut kepada seseorang yang tidak berakhlak, dan hasilnya identiti kemelayuan mereka tercemar." - Guru prihatin Riz, Lambak.

Bagi pendapat saya pula selaku penulis, penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar sememangnya ada kebaikan dan keburukan. Para pelajar dinasihatkan untuk membuat pertimbangan terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu melalui telefon bimbit mereka. Ibu bapa adalah individu yang paling tepat untuk memerhatikan penggunaan telefon bimbit dalam mereka. Jika perkara ini dapat dikawal dengan baik, keburukan-keburukan penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar dapat diatasi dengan kerjasama semua pihak. Kesimpulannya, penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar memberikan seribu satu faedah kepada sesiapa sahaja yang menggunakannya. Tetapi sebagai pengguna kita perlu bijak menggunakan gajet atau alat yang dicipta dalam dunia serba canggih ini dengan cara yang betul. Jika tidak digunakan untuk kebaikan, perkara ini mampu merosakkan masa depan dan fikiran mereka itu sendiri. Sewajarnya, golongan pelajar terutamanya dalam kalangan remaja yang merupakan tonggak negara pada masa hadapan lebih bijak dalam memikirkan pro dan kontra sesuatu perkara sebelum melakukannya. Bak kata peribahasa 'tepek dada tanya selera'.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.  
Sila e-melkan pendapat biskita ke :  
pelita.brunei@information.gov.bn  
i. Jimat makan di luar atau makan di rumah.  
ii. Dunia Digital : Kebaikan dan keburukan terhadap perkembangan kanak-kanak.

# Minggu Kebudayaan dan Bahasa Jepun 2019, 2 - 3 Mac

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Februari.** - Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam akan mengadakan Minggu Kebudayaan dan Bahasa Jepun 2019 pada 2 hingga 3 Mac 2019, bertempat di Times Square dengan kerjasama Times Square, Yayasan Jepun, Bahagian Latihan dan Lanjutan Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Persatuan Alumni Brunei Japan (BAJA), Program Pertukaran Belia ASEAN - Jepun (JENESYS), BERSATU, BJFA - UBD dan UTB Chapters.

Acara bakal berlangsung selama dua hari dan ia dibukakan kepada orang ramai secara percuma, di mana ia akan memperkenalkan cara hidup dan kebudayaan Jepun kontemporari juga mempromosi bahasa Jepun melalui persembahan pentas dan petak-petak yang tersedia. Persembahan pentas juga akan turut mempersembahkan tarian, nyanyian dan pertunjukan

Siaran Akhbar dan Infografik :  
Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam

seni bela diri Jepun, iaitu Judo.

Manakala petak-petak yang tersedia juga akan menyediakan pelbagai informasi-informasi biasiswa Jepun, kelas-kelas bahasa Jepun di IBTE-CET dan pelbagai kebudayaan Jepun. Selain itu, Kedutaan Jepun juga akan menganjurkan pertunjukan-pertunjukan dan bengkel masakan Jepun seperti Sushi juga Sakura Mochi, merupakan makanan tradisi Jepun dan ia lebih dikenali dengan panggilan Cherry Blossom Sweet Rice.

Sementara petak Kedutaan Jepun pula bakal menyediakan aktiviti cara membuat Origami, iaitu salah satu kraf tangan kertas Jepun dan Bengkel Tsumami Zaiku. Semasa bengkel dijalankan, turut diperkenalkan ialah cara

menghias rambut. Sakura Mochi dan hiasan rambut merupakan sempena meraikan Sambutan Japanese Doll Festival or Girls' Day pada 3 Mac nanti. Juga bakal diperlihatkan, beberapa modul Gunpla, merupakan siri anime popular Jepun, iaitu Mobile Suit Gundam.

Atur cara pada hari tersebut juga nanti bakal menjemput ahli muzik instrumental unik 'GAKUZINZAN' dari Jepun yang bakal membuat persembahan secara langsung menggunakan seruling buluh (*bamboo flute*) yang digelar Shakuhachi, iaitu peralatan muzik tradisional Jepun. Beliau sangat dikenali di seluruh dunia dan pernah menerima anugerah-anugerah termasuk anugerah dari Kementerian Pendidikan Jepun.

## Japanese Language & Culture Week 2019

Date: 2-3 March 2019  
Venue: Atrium, Times Square

[@japanemb\\_brunei](#)

### Day 1 Saturday, 2 March

**Booth Opening Hours 11:00am - 9:30pm**

- 2:30pm - 2:45pm  
• Eating Competition (Times Square)
- 2:45pm - 4:30pm  
• Anime Drawing Competition (Times Square)
- 4:30pm - 5:30pm  
• Japanese Cooking Demonstrations (Embassy of Japan)
- 5:40pm - 6:00pm  
• KENDAMA (Wafiq Missli)
- BREAK

### EVENTS:

- 8:00pm  
• OPENING CEREMONY
- Japanese Shakuhachi Music Performance (by Mr Gakuzinzan)
- 8:45pm  
• Touring Booth
- JUDO Demonstrations (Embassy of Japan)

Come and enjoy our Japanese Language and Culture Week!

### Day 2 Sunday, 3 March

**Booth Opening Hours 11:00am - 9:30pm**

- 11:00 - 11:15am  
• Song Performance (JENESYS Alumni)
- 11:15 - 11:30am  
• Song Performance (BERSATU - SSEAYP Alumni)
- 11:30 - 11:45am  
• QUICK QUIZ (BJFA - UTB Chapters)
- BREAK
- 1:00 - 2:00pm  
• Japanese Cooking Demonstrations (Embassy of Japan)
- 2:00 - 2:15pm  
• Dance Performance (BJFA - UTB Chapters)
- 2:15 - 3:15pm  
• Japanese Shakuhachi Music Performance (by Mr Gakuzinzan)
- BREAK

### EVENTS:

- 4:00 - 5:00pm  
• Study in Japan Sharing Session (Brunei Association of Japan Alumni)
- Learning Basic Japanese Language (IBTE CET)
- Japanese Language Learning - Introduction to MINATO (Japan Foundation)
- 5:00 - 5:15pm  
• Dance Performance (BERSATU - SSEAYP Alumni)
- 5:15 - 5:30pm  
• Dance Performance (BJFA - UBD Chapters)
- 5:30 - 5:45pm  
• Dance Performance (JENESYS Alumni)
- BREAK
- 7:00 - 7:15pm  
• KENDAMA (Wafiq Missli)
- 7:15 - 7:40pm  
• Prize Presentation (Times Square)
- 8:00 - 9:00pm  
• Japanese Shakuhachi Music Performance (by Mr Gakuzinzan)
- 9:00 - 9:15pm  
• KENDAMA (Wafiq Missli)
- 9:15 - 9:30pm  
• CLOSING - Soran Bushi (BJFA - UBD Chapters)

Organised by: **EMBASSY OF JAPAN BRUNEI DARUSSALAM** and **JAPAN FOUNDATION**

Co-Organised by: **TIMES SQUARE SHOPPING CENTRE**

Supporters: JAPAN BRUNEI FRIENDSHIP ASSOCIATION (JBFA) • THE JAPANESE ASSOCIATION BRUNEI DARUSSALAM (JABD) • BRUNEI ASSOCIATION OF JAPAN ALUMNI (BAJA) • BERSATU (SSEAYP ALUMNI) • BJFA - UBD CHAPTERS • BJFA - UTB CHAPTERS • JENESYS ALUMNI • IBTE CET • CHEF YAMANE • JUDO ACADEMY SPORTS SCHOOL • KENDAMA (Wafiq Missli)

# Jabatan Penerangan tingkat kesedaran awam

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Februari. - Bagi meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai penggunaan *banner*, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian

Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengendalikan Jerayawara Penggunaan Banner, Bendera dan Bahan-bahan yang Mempunyai Kepentingan Nasional bagi Sesi Kedua, Tahun 2018 - 2019.

Taklimat yang diadakan di Dewan Serbaguna, Balai Polis Berakas itu disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Turut hadir selaku panel ialah para pegawai daripada Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Bandaran dan Unit Stor dan Perbekalan, Jabatan

Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Taklimat diteruskan tayangan video mengenai Bendera Negara dan Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan diakhiri dengan sesi soal jawab.

Hampir 30 peserta yang terdiri daripada pengurus dan penyelia syarikat-syarikat perniagaan di kawasan perniagaan Kampung Serusop menghadiri sesi jerayawara berkenaan.

Sesi taklimat berkenaan juga menyampaikan penjelasan secara terperinci mengenai lambang kerajaan (panji-panji) yang terdapat dalam bendera negara, yang mana juga menyentuh mengenai kesalahan-kesalahan terhadap penggunaan dan tatacara betul dalam penggunaan *banner*, pengibaran bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.

Selain program jerayawara ini, Jabatan Penerangan juga giat mengendalikan Taklimat Kenegaraan ke Sekolah-sekolah Menengah kerajaan dan swasta; Kempen Menghayati Pengibaran Bendera Negara sempena



PEGAWAI Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya (kanan) menunjukkan jenis-jenis kesalahan yang terdapat pada bendera negara yang pernah dijumpai dan dikibarkan di beberapa premis kediaman juga perniagaan.

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga Program Sua Muka (Personal Contact) bersama Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK).



SEBAHAGIAN daripada jemputan yang hadir menyuarakan beberapa soalan mengenai penggunaan kain rentang, bendera dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional untuk premis perniagaan mereka.

## Patuhi peraturan khusus kod berpakaian di Persidangan MMN

**KOD PAKAIAN SEMASA MENGHADIRI PERSIDANGAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

**LELAKI**

**PEREMPUAN**

**PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN:**

- Topi / Cap
- Baju lengan pendek, baju-T, baju sukan
- Seluar jeans, seluar pendek, seluar sukan
- Skirt pendek, leggings
- Sandal, selipar

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 2 Mac. - Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi tahun ini akan berlangsung pada Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 Hijrah bersamaan 7 Mac 2019 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

Sehubungan itu, orang ramai atau mana-mana pihak yang

berhasrat untuk menghadiri sesi-sesi persidangan MMN di hari-hari berikutnya hendaklah mematuhi beberapa peraturan khususnya kod pakaian dan tatacara memasuki Dewan Persidangan berkenaan.

Bagi lawatan sambil belajar semasa hari-hari persidangan, iaitu sekolah-sekolah dan institusi pendidikan hendaklah menulis surat sekurang-kurangnya seminggu sebelum tarikh lawatan sambil belajar kepada Jurutulis

Majlis-Majlis Mesyuarat, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

Murid-murid, penuntut-penuntut, Mahasiswa - Mahasiswi dimestikan memakai pakaian seperti yang dinyatakan pada tajuk Kod Pakaian serta dimestikan untuk mematuhi peraturan-peraturan semasa di dalam Dewan Persidangan seperti yang dinyatakan pada tajuk Peraturan Dewan Persidangan.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Urusetia Persidangan MMN atau terus menghubungi ke talian +673 2380501.

Sementara kod-kod pakaian bagi para pegawai, kakitangan kerajaan dan orang awam hendaklah memakai baju yang ditetapkan seperti baju kemeja lengan panjang, tali leher dan bersongkok (bagi lelaki); pakaian Melayu Islam Beraja; baju melayu lengkap, sinjang dan bersongkok; baju kurung dan tudung; baju kemeja wanita dan seluar / skirt labuh panjang (bagi perempuan) atau lounge suit.

Bagi Institusi Pendidikan, mahasiswa / mahasiswi pula hendaklah memakai baju lengan panjang (bagi mahasiswa); baju kurung dan tudung (bagi mahasiswi) serta berpakaian kemas dan sopan.

Penuntut-penuntut dan murid-murid sekolah disaran memakai pakaian seragam sekolah masing-masing dan adalah TIDAK DIBENARKAN memakai topi / cap; baju lengan pendek, baju-T, baju sukan; seluar jeans, seluar pendek, seluar sukan, skirt pendek, leggings, sandal atau selipar.

Semasa berada di Dewan Persidangan, merokok adalah ditegah sama ada di luar mahupun

## Dua suspek curi berjaya ditangkap

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BERAKAS,** Khamis, 28 Februari. - Pasukan Polis daripada Balai Polis Berakas menjalankan serbuan berasingan ke atas beberapa buah rumah di kawasan Kampung Lambak Kiri dan berjaya menahan dua orang warga tempatan yang dipercayai terlibat dalam dua kes kecurian.

Kes pertama yang dilaporkan kepada Balai Polis Berakas ialah pada 10 Januari 2019 yang melibatkan kecurian sebuah water jet dan sebiji tong putih di salah sebuah restoran yang terletak di Sungai Hanching, Jalan Muara.

Kes kedua juga dilaporkan kepada Balai Polis Berakas, iaitu

pada 24 Februari 2019 yang melibatkan kes kecurian dua biji tayar di salah sebuah kedai tayar yang terletak di Kampung Salambigar, Jalan Muara.

Kedua-dua suspek tersebut, iaitu Mohammad Zulazlainie bin Zoelaliffin, berumur 28 tahun; dan Suhardy bin Haji Abdullah, berumur 39 tahun.

Kedua-dua suspek kini disiasat di bawah Seksyen 379 dan dibacakan dengan Seksyen 34 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dan jika sabit kesalahan kedua-dua suspek boleh dihukum penjara selama suatu tempoh yang boleh sampai tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

di dalam kawasan bangunan Dewan Persidangan serta tidak dibenarkan mengambil gambar di dalam Dewan Persidangan semasa persidangan dijalankan kecuali pihak-pihak yang telah diberikan kebenaran sahaja.

Orang ramai / pelawat yang hadir untuk mendengar perbahasan ditegaskan untuk mengaktifkan telefon bimbit kepada 'Silent Mode' semasa berada di dalam Dewan Persidangan serta ditegah membawa benda-benda berbahaya yang boleh mengancam keselamatan Dewan Persidangan; tidak dibenarkan bercakap-cakap dan membuat bising semasa persidangan dijalankan.

Makan dan minum adalah juga tidak dibenarkan di dalam Dewan Persidangan MMN serta mematuhi tatacara masuk dan keluar Dewan Persidangan semasa persidangan sedang dijalankan.

Manakala pakaian bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15

MMN seperti lazimnya bagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah memakai Pakaian seragam (*uniform*) dengan Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kehormatan (untuk Menteri-menteri Kabinet); pakaian

seragam atau pakaian kebangsaan hitam dengan bertajak (*dastar*) berserta Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kehormatan; baju kurung hitam bagi wanita berserta dengan Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kehormatan.

Bagi para jemputan khas pula hendaklah memakai Pakaian seragam bagi Wazir-wazir, Cheteria-cheteria, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli-ahli Majlis Ugama Islam.

Jemputan khas yang tidak mempunyai pakaian seragam yang diberikan keistimewaan kedudukan di atas dais hendaklah berpakaian hitam dan bersongkok bersama Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kehormatan.

Para jemputan yang lain pula dikehendaki memakai pakaian kebangsaan hitam atau lounge suit gelap.

Sebaran pertanyaan mengenai ini boleh menghubungi Urusetia Persidangan MMN, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat di talian +673 2380501, No. Faksimile : +673 2385500 atau laman sesawang : [www.majlis-mesyuarat.gov.bn](http://www.majlis-mesyuarat.gov.bn).

# MMN platform salurkan suara rakyat

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor  
Foto : Jabatan Penerangan

**P**ERSIDANGAN Majlis Mesyuarat Negara (MMN) amat bermakna bagi Negara Brunei Darussalam dalam usaha kerajaan memberikan kebebasan rakyat bersuara secara sihat dan muafakat dan menjadi forum atau wadah tempat menyalurkan pendapat serta pandangan dalam menentukan nasib bangsa, di samping memaju dan membangunkan negara ke arah yang lebih cemerlang dan gemilang.

Pada tempoh tahun-tahun majlis bersidang, ia banyak membincangkan dan membahaskan isu-isu dan persoalan untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Persidangan ini amat bermakna bagi Negara Brunei Darussalam dalam usaha kerajaan menyediakan sebuah platform untuk menyalurkan pendapat dan masalah-masalah secara bermuzakarah dan muafakat agar persidangan dapat menjadi forum dalam mengekalkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini dan juga untuk pembangunan negara yang lebih maju serta kompetitif.

MMN merupakan salah satu Majlis Mesyuarat di Negara Brunei Darussalam yang dikendalikan oleh Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat berdasarkan Sistem House of Commons United Kingdom. Majlis ini ditubuhkan menurut Bab 23 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 dan ahli-ahlinya dilantik menurut Bab 24.

MMN dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN (Speaker) yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menurut Bab 37 dari Perlembagaan sama ada dipilih daripada Ahli-ahli Majlis atau mereka yang bukan Ahli-ahli Majlis.

## Fungsi MMN

Fungsi utama MMN adalah untuk merundingkan dan meluluskan undang-undang; membuat pindaan kepada undang-undang yang sedia ada; mengenakan sekatan-sekatan atau cukai kewangan; meneliti dan menyemak polisi dan dasar Kerajaan Brunei; meluluskan bajet Kerajaan Brunei dan perkara lain yang berkaitan dengan perjalanan MMN.

Persidangan MMN diadakan setiap tahun pada bulan Mac bagi menimbang dan meluluskan Anggaran Hasil dan Belanjawan Tahunan bagi Kerajaan Brunei.

## Ahli-Ahli MMN

Ahli-ahli MMN adalah seperti berikut :

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah;
- Menteri-Menteri Kabinet;
- Orang-Orang Yang Bergelar;
- Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan;
- Wakil dari empat daerah di Negara Brunei Darussalam.

Sejak lebih satu dekad MMN ditubuhkan keahliannya bertambah kepada 45 orang dengan 15 ahli dipilih mewakili keempat-empat daerah. Dua orang wanita pernah dilantik dari kalangan mereka yang mencapai kecemerlangan. Kini MMN melakar satu lagi sejarah sejarah melantik lima golongan muda yang cemerlang sebagai Ahli MMN termasuk tiga wanita.

Ini menunjukkan kepercayaan Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap pendapat dan cadangan dari golongan belia dan ini merupakan satu perubahan yang besar dan sangat positif.

Seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan mula menumpukan perhatian bila mana



Ahli-ahli MMN akan mula bersidang setelah mesyuarat dibuka rasmi nanti.

Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-15 MMN akan disempurnakan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di Jalan Dewan Majlis.

Dalam usaha menangani maksud dan pandangan yang jauh, Kebawah DYMM ini, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat mempunyai visi dan misinya yang tersendiri, iaitu meningkatkan mutu MMN setanding dengan Majlis Perundangan (Parliament) serantau dan memberikan perkhidmatan yang baik dalam mengendalikan Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Menteri - menteri Kabinet dan MMN.

Dengan mempunyai ahli yang berbagai-bagai peringkat terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet, mereka yang dilantik dari orang-orang yang memberi perkhidmatan cemerlang dalam semua bidang, serta wakil-wakil yang dipilih dari daerah-daerah sudah tentu akan dapat memberikan pandangan, buah fikiran dan nasihat yang bernas dengan membuat keputusan yang disepakati secara sebulat suara (*consensus*).

## Sejarah MMN

Pembentukan semula MMN pada 6 September 2004 selepas 20 tahun ditiadakan; Meluluskan dan memasyhurkan pindaan kepada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 29 September 2004; Pembentukan Semula MMN pada 2 September 2005

berdasarkan kepada kehendak pindaan Perlembagaan Negara Brunei 2004; Pembinaan Bangunan Baharu MMN mengikut konsep Melayu Islam Beraja dan Pembukaan Rasminya pada 4 Mac 2008; MMN diterima menjadi Ahli Pertubuhan ASEAN Inter-Parliamentary Association (AIPA) penuh pada tahun 2009 dan menghoskan Mesyuarat Agong AIPA ke 34 pada 17 hingga 23 September 2013 di Bandar Seri Begawan.

## Gagasan

Pada bulan Julai 1992, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan satu jawatankuasa bagi meneliti cadangan-cadangan mengenai dengan kertas perlembagaan negara untuk mewujudkan struktur yang lebih formal dengan menubuhkan semula MMN sebagai menambahkan lagi forum atau wadah tempat menyempurnakan pendapat dan pandangan, guna untuk membentuk satu model yang boleh dibanggakan yang mencerminkan budaya orang Brunei yang palikat dengan agama serta kukuh dengan adat resam yang tinggi. Dengan adanya idea dan gagasan ini maka MMN ditubuhkan semula mengikut pindaan perlembagaan yang diluluskan pada 28 September 2004.

Kejayaan Kebawah DYMM dalam memerintah dan mentadbir negara dalam tempoh 50 tahun bukan hanya dilihat dalam kemajuan negara dari mula menaiki takhta sehingga negara mencapai kemerdekaan. Dengan bimbingan nasihat Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, usaha-usahaitulah yang menjadi landasan bagi negara mencapai apa yang dinikmati pada hari ini. Selain daripada itu, baginda mahukan MMN yang ditubuhkan semula akan menjadi sebuah institusi yang teguh dan setia demi masa depan negara seperti dititahkan baginda semasa Permesyuaratan Pindaan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam pada 29 September 2004 di Lapau, Bandar Seri Begawan, adalah jelas peranan baginda dalam menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara demi survival bangsa Brunei tidak dapat dinafikan.

Dalam hubungan ini juga setiap Ahli MMN bertanggungjawab dalam memartabatkan MMN ini sebagai institusi yang dihormati, selain sama-sama menangani segala perbincangan, buah fikiran dan tindak tanduk tersebut agar sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan kualitinya berasaskan sifat-sifat orang Brunei yang kaya dengan sopan santun, tolong-menolong dan tolak ansur kerana kualiti itu juga merupakan hubungan Ahli-ahli Majlis dengan orang ramai terhadap pemedulia kepada rakyat dan penduduk.

Dengan adanya MMN diharapkan agar majlis tersebut akan membuat sesuatu perkara yang berkebakikan untuk mendekatkan Kerajaan Kebawah DYMM dengan rakyatnya serta membawa kebajikan bersama.

Di bawah kepimpinan baginda, Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang mempunyai pentadbiran dan pemerintahan yang adil dan bijaksana, aman makmur dan memartabatkan lagi agama Islam sebagai agama rasmi dan menjadikan Negara Zikir.



# Sukan

## INFO SUKAN

PASUKAN DPMM FC dinobatkan sebagai Juara Liga Perdana Brunei DST 2018 setelah mengumpul sebanyak 19 mata. Naib juara disandang oleh Tabuan Muda yang berjaya mengumpul 16 mata, diikuti tempat ketiga oleh Pasukan BSRC FT.



ePaper Pelita Brunei

# 40 peserta tamat Kursus Asas Pengadil Bola Sepak



AHLI Jawatankuasa Eksekutif Pengadil Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), Pengiran Haji Aliudin bin Pengiran Haji Tajudin hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta Kursus Asas Pengadil Bola Sepak atau New Recruiting Referees.



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 1 Mac. - Lebih 40 peserta menamatkan Kursus Asas Pengadil Bola Sepak yang dijalankan selama lima hari bermula 15 Februari lalu pada tiap-tiap Jumaat dan Ahad hingga ke hari ini.

Sehubungan itu, Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus tersebut diadakan di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pengadil Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), Pengiran Haji Aliudin bin Pengiran Haji Tajudin hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta kursus.

Kursus Asas Pengadil Bola Sepak atau lebih tepat lagi dinamakan New Recruiting Referees merupakan salah satu aktiviti yang termasuk dalam pelan tindakan NFABD melalui Jabatan Pengadil untuk mengendalikan sekurang-kurangnya empat kali kursus bagi pengambilan pengadil-pengadil baharu dalam masa dua tahun.

Pada tahun ini peranan Jabatan Pengadil, NFABD, selain daripada menambah bilangan pengadil, ia juga memberikan ilmu pengetahuan mengenai undang-undang permainan bola sepak kepada sesiapa yang berkeinginan untuk mempelajari ilmu Undang-undang Permainan Bola Sepak.

Tujuan kursus diadakan bagi menambah bilangan pengadil di negara ini selaras dengan

perkembangan bola sepak di Negara Brunei Darussalam dari semasa ke semasa, selain itu untuk mencari anak-anak muda yang berminat untuk menjadi pelapis kepada pengadil yang sedia ada.

Pada majlis itu, Pelita Brunei menemui dua peserta kursus, iaitu Mohammad Hamiz Zharif bin Mohemmad Ali dan Muhammad Irsyad Addin bin Hamzah.

Kedua mereka merupakan peserta yang berjaya lulus dalam semua ujian kecergasan sepanjang kursus dijalankan.

Mohammad Hamiz Zharif mewakili seluruh peserta melahirkan setinggi-tinggi

penghargaan dan ucapan terima kasih kepada NFABD kerana memberi peluang bagi menyertai kursus tersebut.

Menurut beliau, ilmu yang diajarkan ini adalah sangat berguna buat mereka sebagai permulaan untuk berjinak-jinak dalam tugas sebagai pengadil.

"Sebagai pemain bola sepak, saya juga perlu tahu akan undang-undang permainan supaya saya lebih faham dan insyaaAllah apa yang dipelajari ini akan dipraktikkan pada masa yang akan datang," ujarnya.


Sementara Muhammad Irsyad Addin pula menerangkan, untuk menjadi seorang pengadil haruslah mempunyai disiplin dan mempunyai personaliti.

Menurutnya, seorang pengadil juga harus membuat latihan sendiri dengan sentiasa mengulang kaji peraturan-peraturan sebagai pengadil, selain sentiasa menjaga kecergasan diri.

"Setelah mengikuti kursus ini, barulah kami faham dengan lebih mendalam lagi bagaimana cara untuk menjadi seorang pengadil yang baik," tambahnya.



MUHAMMAD Irsyad Addin bin Hamzah.



MOHAMMAD Hamiz Zharif bin Mohemmad Ali.

## Tahukah Awda

**S**ERAMAI 545 orang dikurniakan anak-anak kunci rumah bagi Kluster Lugu serta rumah Teres Panchor (Mengkubau), Meragang dan Tanah Jambu di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lugu bagi Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada 18 Februari 2019.

Dari jumlah 545 penerima itu seramai 489 orang menerima rumah jenis kluster di bawah RPN Lugu, selebihnya menerima rumah jenis teres, iaitu 24 orang di bawah RPN Panchor (Mengkubau), 10 orang di bawah RPN Meragang, tiga orang di bawah RPN Tanah Jambu dan 19 orang di bawah STKRJ Kampung Lugu.

SUMBER : Pelita Brunei, edisi Rabu, 20 Februari 2019.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

"TIDAK AKAN MASUK SYURGA ORANG YANG MEMUTUSKAN SILATURAHIM"

دتر بیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam